Lim Zhen Qiang lwn Pendakwa Raya dan lain-lain rayuan

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05(SH)-344–07 TAHUN 2024, B-05(SH)-356–07 TAHUN 2024, B-05(SH)-358–07 TAHUN 2024, B-05(SH)-359–07 TAHUN 2024, B-05(SH)-360–07 TAHUN 2024

CHE MOHD RUZIMA, COLLIN SEQUERAH AND AZMI ARIFFIN HHMR

15 MAY 2025

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu-perayu dituduh dengan kesalahan mengedar dadah berbahaya di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 — Perayu-perayu disabitkan dan dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup dan 15 kali sebatan — Sama ada terdapat ketiadaan pengetahuan perayu-perayu terhadap dadah yang dijumpai — Sama ada terdapat ketiadaan pengetahuan perayu-perayu tentang sifat sebenar dadah yang dibawa — Sama ada wujud pembelaan pembawa tidak bersalah — Sama ada wujud ugutan — Sama ada notis Alcontara telah diberikan dengan sempurna — Sama ada pertimbangan sewajarnya telah diberikan terhadap keterangan saksi pendakwaan

Pada 10 Ogos 2018 bermula pukul 9 malam sehingga 8 pagi keesokan harinya, SP3 ditugaskan untuk menjaga mesin walk through metal detector di KLIA2. Pada 11 Ogos 2018, sekitar jam 6.35 pagi, SP3 menahan dan memeriksa tertuduh pertama. SP3 merasakan sesuatu yang mencurigakan iaitu rasa kasar dan berketul pada pahanya. SP3 melakukan pemeriksaan teliti terhadap tertuduh pertama dan mendapati di kedua-dua paha kiri dan kanan tertuduh pertama terdapat bungkusan yang di balut dengan pita pelekat lutsinar yang mencurigakan. Mereka kemudian pergi ke Gate P6 Satellite KLIA2 dan menahan tertuduh kedua, ketiga, keempat dan kelima setelah ditunjukkan oleh tertuduh pertama kepada SP3. Kelima-lima tertuduh ditahan untuk pemeriksaan lanjut. Pemeriksaan badan terhadap tertuduh kedua hingga kelima dibuat dan didapati terdapat sesuatu benda mencurigakan pada dalam seluar di bahagian kiri dan kanan paha keempat-empat tertuduh ini. SP4 kemudian membawa masuk tertuduh keenam yang ditahan di kawasan Gate P6 KLIA2. Hasil pemeriksaan mendapati setiap tertuduh mempunyai: (a) empat paket plastik lutsinar yang dibalut dengan pita pelekat jernih yang mengandungi ketulan kristal disyaki dadah di bahagian paha kiri; (b) empat paket plastik lutsinar yang dibalut dengan pita pelekat jernih yang mengandungi ketulan kristal disyaki dadah di bahagian paha kanan; (c) satu paket plastik lutsinar yang mengandungi bahan ketulan kristal yang disyaki dadah dalam pelapik kasut sebelah kiri; dan (d) satu paket plastik lutsinar yang mengandungi bahan ketulan kristal yang disyaki dadah dalam pelapik kasut

sebelah kanan. Setelah analisis dibuat, ketulan-ketulan kristal tersebut disahkan adalah dadah jenis methamphetamine. Butiran terperinci berat dadah-dadah tersebut adalah: (i) 1,297.02g bagi tertuduh pertama; (ii) 1,258.22g bagi tertuduh kedua; (iii) 1,284.74g bagi tertuduh ketiga; (iv) 1,226.15g bagi tertuduh keempat; (v) 1,252.91g bagi tertuduh kelima; dan (vi) 1,263.02g bagi tertuduh keenam. Keenam-enam tertuduh dituduh secara berasingan di Mahkamah Tinggi atas kesalahan mengedar dadah berbahaya di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Pada akhir kes pendakwaan pesuruhjaya kehakiman yang bijaksana mendapati pihak pendakwaan telah berjaya mengemukakan suatu kes prima facie terhadap enam-enam tertuduh dan memanggil mereka untuk membela diri. Pada akhir kes pembelaan, keenam-enam tertuduh didapati bersalah dan disabitkan. Setiap seorang tertuduh telah dikenakan hukuman pemenjaraan seumur hidup dan 15 kali sebatan. Oleh itu, rayuan ini. Tertuduh-tertuduh membangkitkan pembelaan: (1) bahawa mereka terpaksa membawa barang-barang tersebut ekoran wujudnya ugutan ke atas diri mereka iaitu satu pembelaan di bawah s 94 Kanun Keseksaan; (2) bahawa mereka tidak mempunyai pengetahuan terhadap dadah tersebut; (3) bahawa mereka tidak mengetahui mengenai sifat atau jenis sebenar dadah yang dibawa kerana pada anggapan mereka barangan tersebut adalah merupakan bahan terlarang dan bukannya dadah; dan (4) pembawa tidak bersalah. Isu-isu untuk pertimbangan adalah: (A) sama ada terdapat ketiadaan pengetahuan tertuduh-tertuduh terhadap dadah yang dijumpai; (B) sama ada terdapat ketiadaan pengetahuan tertuduh-tertuduh tentang sifat sebenar dadah yang dibawa; (C) sama ada wujud pembelaan pembawa tidak bersalah; (D) sama ada wujud ugutan; (E) sama ada notis *Alcontara* telah diberikan dengan sempurna; dan (F) sama ada pertimbangan sewajarnya telah diberikan terhadap keterangan Ho Chung Kiat ('SD9').

Diputuskan, menolak rayuan perayu-perayu:

(1) Berkenaan pembelaan ugutan yang dibangkitkan, tertuduh-tertuduh mendakwa bahawa mereka meneruskan dengan penghantaran dadah tersebut atas alasan kononnya tiada duit untuk bayar semula kos tiket penerbangan dan juga takut akan dipukul. Alasan yang diberikan ini terlalu remeh dan tidak bermerit sama sekali. Pada hakikatnya mereka sebenarnya memilih untuk meneruskan kerja menghantar dadah-dadah ini bukan atas alasan timbulnya ugutan tetapi lebih kepada teruja di atas ganjaran wang lumayan yang dijanjikan dan yang bakal mereka terima sepenuhnya nanti jika misi penghantaran dadah ini berjaya dilaksanakan dengan jayanya. Setibanya mereka di KLIA2 pula, mereka mempunyai banyak peluang keemasan untuk menyelamatkan diri dengan meminta bantuan orang ramai yang berada di situ atau melaporkan kepada pihak polis di KLIA2 atau keluarga mereka sekiranya benar mereka telah menerima ugutan sedemikian rupa. Malangnya ini tidak dilakukan. Hujahan bahawa pembelaan di bawah s 94 Kanun Keseksaan telah

dipenuhi di mana ugutan tersebut akan memberi kesan kepada tertuduh-tertuduh dan ahli keluarga mereka adalah suatu rekaan dan pemikiran terkemudian sahaja yang sewajarnya ditolak (lihat perenggan 56–57, 59 & 61).

(2) Adalah sesuatu yang tidak munasabah sama sekali bila kesemua tertuduh menafikan mempunyai pengetahuan langsung mengenai dadah yang dibawa berpandukan kepada cara dadah tersebut dibalut dan disorokkan di paha kiri dan kanan serta di bawah pelapik kasut mereka masing-masing. Dadah-dadah yang terikat pada tubuh badan mereka masing-masingnya di dalam paket plastik lutsinar yang boleh dilihat secara langsung dengan mata kasar di mana ianya membawa kepada inferens yang munasabah bahawa keenam-enam tertuduh ada mempunyai pengetahuan tentang kandungan barang-barang kes yang disembunyikan. Pengakuan tertuduh pertama hingga kelima bahawa bahawa tujuan mereka pergi ke Korea Selatan adalah untuk menghantar bungkusan dadah yang dibalut di kaki mereka masing-masing dengan bayaran wang yang telah diterima sebahagian dan sebahagian lagi pula akan dibayar sekembalinya mereka ke Malaysia telah dengan sendirinya mematahkan atau menyangkal dakwaan mereka tentang ketiadaan pengetahuan mereka berkenaan barangan dan kandungan dadah yang dibawa oleh mereka. Anggapan dan dakwaan kosong di dalam pembelaan mereka bahawa barangan yang dibawa adalah merupakan ubat larangan gym adalah suatu pemikiran terkemudian dan rekaan semata-mata yang tidak sedikit pun menimbulkan apa-apa keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Kelakuan atau tingkah laku tertuduh-tertuduh walaupun kelihatan biasa dan tenang sahaja semasa mereka ditahan atau ditangkap tidaklah menunjukkan bahawa mereka tidak mempunyai pengetahuan mengenai dadah-dadah yang berada di dalam paket-paket lutsinar di pada paha kiri dan kanan dan di bawah pelapik kasut kiri dan kanan masing-masing (lihat perenggan 63–64 & 72–73).

(3) Pembelaan bahawa mereka tidak mengetahui mengenai sifat atau jenis sebenar dadah yang dibawa kerana pada anggapan mereka barangan tersebut adalah merupakan bahan terlarang dan bukannya dadah tidak mempunyai merit sama sekali. Ini adalah kerana tiada keperluan undang-undang untuk pendakwaan membuktikan pengetahuan mengenai sifat atau jenis dadah yang ada dalam paket-paket lutsinar tersebut (lihat perenggan 77–78).

(4) Pembelaan pembawa tidak bersalah tidak menyebelahi kesemua tertuduh kerana keenam-enam tertuduh mengetahui barangan yang dibawa itu adalah dadah dan bukannya ubat gym yang dilarang dibawa masuk ke Korea Selatan. Keenam-enam mereka sengaja memilih untuk menutup mata untuk sesuatu yang jelas bagi menunjukkan suatu

kejahilan tulen bahawa mereka tidak mengesyaki kewujudan dadah berbahaya yang berada di dalam milikan mereka dengan alasan bahawa mereka telah diperdayakan oleh dua lelaki Cina tersebut. Malangnya kebutaan sengaja terpakai terhadap mereka, percubaaan mereka untuk berlindung di bawah payung 'innocent carier' tidak membuahkan apa-apa hasil yang diharapkan (lihat perenggan 84–85).

(5) Notis yang dikemukakan adalah tidak sempurna kerana tidak mengandungi butiran lengkap SD9 dan lelaki kurus bernama Dennis Goh Zhan You kepada pegawai penyiasat ('SP6') bagi membolehkan siasatan dijalankan. Nama SD9 hanya timbul ketika perbicaraan dan tidak pernah timbul semasa siasatan. Tiada butiran terperinci yang diberikan oleh tertuduh-tertuduh mengenai nama penuh, alamat tempat tinggal SD9 dan Dennis Goh Zhan You kepada SP6 bagi tujuan siasatan. Keenam-enam tertuduh juga mengesahkan tidak mengenali kedua-dua lelaki Cina tersebut (lihat perenggan 88).

(6) Pesuruhjaya kehakiman yang bijaksana telah memberikan pertimbangan yang sewajarnya terhadap keterangan SD9 yang dipanggil oleh tertuduh pertama di peringkat pembelaan. Keterangan SD9 yang mengatakan bahawa dia mengenai tertuduh-tertuduh ini dan pernah berjumpa dengan mereka semasa dia buat kerja sambilan di Scott Garden, Jalan Klang Lama tersebut adalah suatu rekaan semata-mata yang bertujuan untuk membantu melepaskan tertuduh-tertuduh daripada pertuduhan yang dihadapi mereka (lihat perenggan 92).

[English summary

On 10 August 2018 from 9pm until 8am the following day, SP3 was assigned to keep watch the walk-through metal detector at KLIA2. On 11 August 2018 around 6.35am, SP3 withheld and examined the first accused. SP3 felt something suspicious, namely a rough and lumpy feeling on the accused's thighs. SP3 conducted a thorough examination of the first accused and found that on both the left and right thighs of the first accused, there were packages wrapped with suspicious transparent adhesive tape. They then went to Gate P6 Satellite KLIA2 and arrested the second, third, fourth, and fifth accused after being shown to them by the first accused. The five accused were detained for further inspection. A body search of the second through fifth accused was conducted and it was found that there was a suspicious object inside the trousers on the left and right thighs of these four accused. SP4 then brought in the sixth accused, who was arrested in the Gate P6 KLIA2 area. The results of the examination found that each accused had: (a) four transparent plastic packets wrapped with clear adhesive tape containing crystal lumps suspected to be drugs on the left thigh; (b) four transparent plastic packets wrapped with clear adhesive tape containing crystal lumps suspected to be drugs on the right thigh; (c) one transparent plastic packet containing crystal lumps suspected to be drugs in the left shoe insole; and (d) one transparent plastic packet

containing crystal lumps suspected to be drugs in the right shoe insole. After analysis, the crystal lumps were confirmed to be methamphetamine type drugs. The detailed weights of the drugs were: (i) 1,297.02g for the first accused; (ii) 1,258.22g for the second accused; (iii) 1,284.74g for the third accused; (iv) 1,226.15g for the fourth accused; (v) 1,252.91g for the fifth accused; and (vi) 1,263.02g for the sixth accused. The six accused were charged separately in the High Court with the offence of trafficking dangerous drugs under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952. At the end of the prosecution's case, the learned judicial commissioner found that the prosecution had succeeded in presenting a prima facie case against the six accused and called them to enter defence. At the end of the defence case, the six accused were found guilty and convicted. Each accused was sentenced to life imprisonment and 15 strokes of the cane. Hence, this appeal. The accused raised the defence: (1) that they were forced to carry the items due to threats to themselves, which was a defence under s 94 of the Penal Code; (2) that they had no knowledge of the drugs; (3) that they were unaware of the true nature or type of the drugs carried as it was assumed that the items were prohibited substances and not drugs; and (4) of innocent carrier. The issues for consideration were: (A) whether there was lack of knowledge by the accused regarding the drugs found; (B) whether there was lack of knowledge by the accused about the true nature of the drugs carried; (C) whether there was a defence of innocent carrier; (D) whether there was duress; (E) whether the *Alcontara* notice was properly provided; and (F) whether due consideration was given to the testimony of Ho Chung Kiat ('SD9').

Held, dismissing the appellants' appeal:

(1) Regarding the defence of duress raised, the accused claimed that they continued with the drug delivery because they allegedly had no money to repay the cost of airline tickets and were also afraid of being beaten. The reason given was too frivolous and had no merit at all. In fact, they actually chose to continue with the delivery of these drugs not because of the threats, but rather because they were excited about the lucrative monetary rewards that were promised and that they would receive fully later if the drug delivery mission was successfully carried out. Upon arriving at KLIA2, they had many golden opportunities to save themselves by asking for assistance from members of the public who were there or reporting to the police at KLIA2 or their family members if indeed they had received such threats. Unfortunately, this was not done. The argument that the defence under s 94 of the Penal Code had been fulfilled where the duress would affect the accused and their family members was a mere fabrication and an afterthought, which should be rejected (see paras 56–57, 59 & 61).

(2) It was completely unreasonable for all the accused to deny having any direct knowledge of the drugs carried based on how the drugs were wrapped and hidden on their left and right thighs as well as under their

respective shoe insoles. The drugs bound on their bodies individually in transparent plastic packets that could be seen directly with the naked eye, where it led to a reasonable inference that all six accused had knowledge of the contents of the case items that were hidden. The admission of the first to fifth accused that their purpose in going to South Korea was to deliver packets of drugs wrapped around their feet respectively with the payment of money that had been received in part and part of that would be paid upon their return to Malaysia had by itself broken or refuted their claim about their lack of knowledge concerning the goods and the contents of the drugs carried by them. The assumption and empty claims in their defence that the goods carried were prohibited gym drugs were merely an afterthought and fabrication that did not in the slightest degree raise any reasonable doubt against the prosecution's case. The behaviour or actions of the accused, even though they appear ordinary and calm only while they were detained or arrested, did not indicate that they did not have knowledge about the drugs that were in the transparent packets on the left and right thighs and under the left and right shoe insoles respectively (see paras 63–64 & 72–73).

(3) The defence that they were unaware of the true nature or type of the drugs carried because in their opinion the goods were prohibited substances and not drugs, did not have merit at all. This was because there was no legal need for the prosecution to prove knowledge about the nature or type of drugs that were in the transparent packets (see paras 77–78).

(4) The defence of innocent carrier did not favour all the accused because all six accused knew that the goods carried were drugs and not gym drugs that was prohibited from being brought into South Korea. All six of them deliberately chose to close their eyes to something obvious to show a genuine ignorance that they did not suspect the existence of dangerous drugs that were in their possession on the grounds that they had been deceived by the two Chinese men. Unfortunately, wilful blindness applied to them, their attempt to take refuge under 'innocent carrier' did not yield any desired results (see paras 84–85).

(5) The *Alcontara* notice submitted was imperfect because it did not contain complete details of SD9 and the thin man named Dennis Goh Zhan You to the investigating officer ('SP6') to enable the investigation to be carried out. SD9's name only arose during the trial and never arose during the investigation. There were no detailed particulars given by the accused regarding the full name, residential address of SD9 and Dennis Goh Zhan You to SP6 for investigation purposes. All six accused also confirmed that they did not know the two Chinese men (see para 88).

(6) The learned judicial commissioner gave due consideration to the testimony of SD9 called by the first accused at the defence stage. SD9's

testimony, which said that he knew these accused and had met them while he did part-time work at Scott Garden, Jalan Klang Lama, was purely a fabrication intended to help release the accused from the charges against them (see para 92).]

Kes-kes yang dirujuk

Alcontara a/l Ambross Anthony v Public Prosecutor [1996] 1 MLJ 209, MP (dirujuk)
Babar Ali (W/N Pakistan) v PP [2020] MLJU 80; [2020] 1 LNS 10, MR (dirujuk)
Chu Tak Fai v PP [1998] 4 MLJ 246; [1998] 4 CLJ 789, MR (dirujuk)
DA Duncan v PP [1980] 2 MLJ 195, MP (dirujuk)
G Vasan Gunasegaran v PP [2018] 1 LNS 1604, MR (dirujuk)
Herchun Singh & Ors v PP [1969] 2 MLJ 209; [1969] MLRA 382, MP (dirujuk)
Hoh Bon Tong v PP [2010] MLJU 2184, MR (dirujuk)
Koh Tiong Hock v PP [2011] 4 MLJ 40, MR (dirujuk)
Lam Cheuk Wang & Anor v PP [1994] 2 SLR 825; [1994] SGCA 88, MR (dirujuk)
Leow Ngee Lim v Reg [1956] 1 MLJ 28 (dirujuk)
Loh Fung Nian v PP [2024] MLJU 1733, MR (dirujuk)
Maria Elvira Pinto Exposto v PP [2020] 3 MLJ 21, MP (dirujuk)
Mohammad Ghavipanjehjo Ali (W/N: Iran) v Pendakwa Raya [2017] MLJU 143; [2017] 1 LNS 114, MR (dirujuk)
Mr Losali v PP [2011] 4 MLJ 694; [2012] 2 CLJ 178, MR (dirujuk)
Parlan Dadeh v PP [2008] 6 MLJ 19, MP (dirujuk)
Pendakwa Raya v Herlina Purnama Sari [2016] MLJU 1824; [2016] CLJU 1855; [2016] 1 LNS 1855; [2017] 1 MLRA 499, MP (dirujuk)
PP v Abdul Rahman bin Akif [2007] 5 MLJ 1, MP (dirujuk)
PP v Badrulsham bin Baharom [1988] 2 MLJ 585; [1987] 1 LNS 72; [1987] CLJU 72 (dirujuk)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2005] 2 MLRA 590, MP (dirujuk)
PP v Reza Mohd Shah bin Ahmad Shah [2009] 2 MLJ 490, MP (dirujuk)
Rengarajan Thangavelu v PP [2015] 1 CLJ 993, MR (dirujuk)
Teh Hock Leong v PP [2008] MLJU 284 [2010] 1 MLJ 741, MP (dirujuk)
Warner v Metropolitan Police Commisioner [1968] 2 All ER 356, HL (dirujuk)
Wjchai Onprom v PP [2006] 5 MLJ 415; [2006] 3 CLJ 724, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023
Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 37(da), 39B(1)(a)
Kanun Keseksaan s 94

Rayuan daripada: *Pendakwa Raya lwn Lim Zhen Qiang dan lain-lain kes*

[2024] MLJU 2788 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam)

Kitson Foong (Chew Jee San dan Vivian Yew Zhi Xuan bersamanya) (Kit & Assoc) bagi pihak perayu pertama dan kedua.
Muhamad Izwan bin Ishak (Amirul Shahidda & Co) bagi pihak perayu ketiga.
Ahmad Ishrakh bin Saad (Kelvinder Singh Sidhu bersamanya) (Ishrakh Saad & Co) bagi pihak perayu keempat.
Goh Cia Yee (Muhammad Aidil Akmal bin Sharidan bersamanya) (Goh Cia Yee) bagi pihak perayu kelima dan keenam.
Afzainizam bin Abdul Aziz (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Azmi Ariffin HMR:

MUKADIMAH

[1] Keenam-enam perayu telah dituduh secara berasingan di Mahkamah Tinggi Shah Alam Selangor Darul Ehsan terhadap pertuduhan-pertuduhan seperti yang berikut:

(a) Perbicaraan Jenayah No BA-45A-40–05 Tahun 2019 (Lim Zhen Qiang):

Pertuduhan pindaan

Bahawa kamu pada 11/8/2018, jam lebih kurang 1.00 tengahari, bertempat di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah KLIA2, dalam daerah Sepang, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah mengedar dadah berbahaya seberat 1297.02gram Methamphetamine. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB) dan boleh dihukum dibawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

(b) Perbicaraan Jenayah No BA-45A-41–05 Tahun 2019 (Yen Tai Xiang):

Pertuduhan pindaan

Bahawa kamu pada 11/8/2018, jam lebih kurang 1.45 petang, bertempat di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah KLIA2, dalam daerah Sepang, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah mengedar dadah berbahaya seberat 1258.22gram Methamphetamine. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum dibawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

(c) Perbicaraan Jenayah No BA-45A-42–05 Tahun 2019 (Yap Fook Chen):

Pertuduhan pindaan

Bahawa kamu pada 11/8/2018, jam lebih kurang 2.30 petang, bertempat di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah KLIA2, di dalam daerah

Sepang, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah mengedar dadah berbahaya seberat 1284.74gram Methamphetamine. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum dibawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

(d) Perbicaraan Jenayah No BA-45A-43–05 Tahun 2019 (Joon Zheng Han):

Pertuduhan pindaan

Bahawa kamu pada 11/8/2018, jam lebih kurang 3.15 petang, bertempat di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah KLIA2, dalam daerah Sepang, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah mengedar dadah berbahaya seberat 1226.15gram Methamphetamine. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah seksyen 39B(I)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum dibawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

(e) Perbicaraan Jenayah No BA-45A-44–05 Tahun 2019 (Lo Wei Ryh):

Pertuduhan pindaan

Bahawa kamu pada 11/8/2018, jam lebih kurang 4.00 petang, bertempat di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah KLIA2, dalam daerah Sepang, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah mengedar dadah berbahaya seberat 1252.91gram Methamphetamine. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum dibawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

(f) Perbicaraan Jenayah No BA-45A-45–05 Tahun 2019 (Mak Kwong Ming):

Pertuduhan pindaan

Bahawa kamu pada 11/8/2018, jam lebih kurang 4.45 petang, bertempat di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah KLIA2, dalam daerah Sepang, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah mengedar dadah berbahaya seberat 1263.02gram Methamphetamine. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum dibawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[2] Keenam-enam perayu tidak mengaku bersalah terhadap pertuduhan-pertuduhan pindaan tersebut dan memohon untuk dibicarakan. Keenam-enam kes ini dibicarakan bersama di dalam satu perbicaraan.

[3] Pada akhir kes pendakwaan, 22 Mac 2024, pesuruhjaya kehakiman yang bijaksana mendapati pihak pendakwaan telah berjaya mengemukakan suatu kes prima facie terhadap enam-enam perayu dan memanggil mereka untuk

membela diri di atas pertuduhan pindaan tersebut.

[4] Keenam-enam perayu memilih untuk memberikan keterangan mereka masing-masing secara bersumpah di kandang saksi.

[5] Pihak pembelaan telah memanggil Liew Wai Yee/jurubahasa ('SD7'), ASP Mohammad Zaidi/ahli forensik telefon bimbit ('SD8') dan Ho Chung Kiat ('SD9') sebagai saksi-saksi pembelaan.

[6] Pada akhir kes pembelaan, 11 Julai 2024, pesuruhjaya kehakiman yang bijaksana mendapati keenam-enam perayu bersalah dan kesemua mereka disabitkan terhadap pertuduhan pindaan tersebut. Setiap seorang perayu telah dikenakan hukuman pemenjaraan seumur hidup (30 tahun) dari tarikh ditangkap dan 15 kali sebatan.

[7] Terkilan dengan keputusan tersebut, keenam-enam perayu telah memfailkan notis rayuan secara berasingan ke Mahkamah Rayuan Malaysia terhadap sabitan dan hukuman tersebut.

[8] Bagi memudahkan rujukan, selepas ini kami akan merujuk perayu-perayu sepertimana panggilan mereka di Mahkamah Tinggi iaitu:

(a) Lim Zhen Qiang sebagai tertuduh pertama;

(b) Yen Tai Xiang sebagai tertuduh kedua;

(c) Yap Fook Chen sebagai tertuduh ketiga;

(d) Joon Zheng Han sebagai tertuduh keempat;

(e) Lo Wei Ryh sebagai tertuduh kelima; dan

(f) Mak Kwong Ming sebagai tertuduh keenam.

RINGKASAN KES PENDAKWAAN

[9] Pada 10 Ogos 2018, SP3 (Mohd Amir Fahmi bin Mohd Ramli) yang bertugas sebagai polis bantuan di Bahagian Keselamatan, Malaysia Airport Holding Bhd KLIA2 telah ditugaskan untuk menjaga mesin *walk through metal detector* ('WTMD') di Balai Pemeriksaan Keselamatan Antarabangsa, Aras 2, Sektor 5, KLIA2 bermula pukul 9 malam (10 Ogos 2024) sehingga 8 pagi keesokan harinya (11 Ogos 2024) untuk melakukan pemeriksaan tubuh kepada penumpang-penumpang yang melalui mesin tersebut.

[10] Pada 11 Ogos 2018, lebih kurang pukul 6.35 pagi, bertempat di mesin WTMD No 8, SP3 telah menahan tertuduh pertama dan menjalankan pemeriksaan terhadapnya. Hasil pemeriksaan tubuh, SP3 dapat merasakan ada

sesuatu yang mencurigakan yakni rasa kasar dan berketul pada bahagian pahanya.

[11] Susulan itu, SP3 telah menjalankan pemeriksaan teliti terhadap tertuduh pertama di Bilik Pemeriksaan Polis Bantuan No 3 dan mendapati di kedua-dua paha kiri dan kanan tertuduh pertama terdapat bungkusan yang di balut dengan pita pelekat lutsinar yang mencurigakan. Hasil perbualannya dengan tertuduh pertama, SP3 bersama Konstabel PB 68955 Yus Mohd Fadli bin Yunos dan tertuduh pertama telah pergi kawasan pintu P6 Satellite KLIA2 dan telah menahan tertuduh kedua, ketiga, keempat dan kelima setelah ditunjukkan oleh tertuduh pertama kepada SP3. Kelima-lima tertuduh ini telah ditahan dan dibawa ke Pejabat Keselamatan AVSEC Sektor 5 untuk pemeriksaan lanjut.

[12] Selepas itu SP3 bersama Inspektor 35527 Mohammad Salleh bin Melnad telah menjalankan pemeriksaan badan terhadap tertuduh kedua, ketiga, keempat dan kelima dan mendapati terdapat sesuatu benda mencurigakan pada dalam seluar di bahagian kiri dan kanan paha keempat-empat tertuduh ini. Kelima-lima tertuduh telah dibawa ke Pejabat Bahagian Narkotik KLIA2 untuk tindakan selanjutnya.

[13] SP3 telah memeriksa passport kelima-lima tertuduh dan membuat satu laporan polis berkaitan tangkapan tersebut iaitu KLIA2/7387/18.

[14] Tiga puluh minit selepas itu, ASP Mohd Zairul Haidi bin Zamsuri ('SP4') telah datang membawa tertuduh keenam yang ditahan di dalam kawasan pintu P6 KLIA2.

[15] Bertempat di Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah KLIA2, SP3 telah membuat pemeriksaan rapi pada tubuh setiap seorang tertuduh.

TERTUDUH PERTAMA

[16] Pada diri tertuduh pertama, SP3 telah menjumpai empat paket plastik lutsinar yang dibalut dengan pita pelekat jernih yang mengandungi ketulan kristal disyaki dadah di bahagian paha kiri. SP3 telah memotong balutan tersebut dan membuat tandaan A1(1) hingga A1(4) bertarikh 11 Ogos 2018 serta menurunkan tandatangannya (eksh P35(1)(A-D).

[17] SP3 telah membuat pemeriksaan di paha kanan tertuduh pertama dan menjumpai empat paket plastik lutsinar yang dibalut dengan pita pelekat jernih yang mengandungi ketulan kristal disyaki dadah. SP3 telah memotong balutan tersebut dan membuat tandaan A2(1) hingga A2(4) bertarikh 11 Ogos 2018 serta menurunkan tandatangannya (eksh P35(2)(A-D).

[18] Pemeriksaan dalam pelapik kasut sebelah kiri tertuduh pertama telah menjumpai satu paket plastik lutsinar di mana SP3 telah membuat tandaan A9(2) (eksh P35(3)) dan di dalam pelapik kasut sebelah kanan pula, SP3 telah menjumpai satu paket plastik lutsinar dan SP3 telah membuat tandaan A10(2) (eksh P35(4)) di mana masing-masing mengandungi bahan ketulan kristal yang disyaki dadah. Kasut yang dipakai oleh tertuduh pertama berjenama TOMORROW SHOWTIME berwarna putih/hitam celoreng.

[19] Dengan menggunakan penimbang yang telah disediakan oleh jabatan, SP3 menimbang kesemua paket plastik jernih tersebut dan mendapati anggaran berat keseluruhan dadah yang dirampas berjumlah 1,772.29g.

TERTUDUH KEDUA

[20] Pada diri tertuduh kedua, SP3 telah menjumpai empat paket plastik lutsinar yang dibalut dengan pita pelekat jernih yang mengandungi ketulan kristal disyaki dadah di bahagian paha kiri. SP3 telah memotong balutan tersebut dan membuat tandaan AB1(1) hingga AB1(4) bertarikh 11 Ogos 2018 serta menurunkan tandatangannya (eksh P36(1)(A-D).

[21] SP3 telah membuat pemeriksaan di paha kanan tertuduh kedua dan menjumpai empat paket plastik lutsinar yang dibalut dengan pita pelekat jernih yang mengandungi ketulan kristal disyaki dadah. SP3 telah memotong balutan tersebut dan membuat tandaan AB2(1) hingga AB2(4), bertarikh 11 Ogos 2018 serta menurunkan tandatangannya (eksh P36(2)(A-D).

[22] Pemeriksaan dalam pelapik kasut sebelah kiri tertuduh kedua, SP3 telah menjumpai satu paket plastik lutsinar dan SP3 telah membuat tandaan AB1(5B) (eksh P36(3)) dan di dalam pelapik kasut sebelah kanan pula telah menjumpai satu paket plastik lutsinar dan SP3 telah membuat tandaan AB2(5B) (eksh P36(4)) di mana masing-masing mengandungi bahan ketulan kristal disyaki dadah. Kasut yang dipakai oleh tertuduh kedua berjenama TOMORROW SHOWTIME berwarna coklat/tapak putih.

[23] Dengan menggunakan penimbang yang telah disediakan oleh jabatan, SP3 telah menimbang kesemua paket plastik jernih tersebut dan mendapati anggaran berat keseluruhan dadah yang dirampas berjumlah 1,724.8g.

TERTUDUH KETIGA

[24] Pada diri tertuduh ketiga, SP3 telah menjumpai empat paket plastik lutsinar yang dibalut dengan pita pelekat jernih yang mengandungi ketulan kristal disyaki dadah di bahagian paha kiri. SP3 telah memotong balutan tersebut dan membuat tandaan AC1(1) hingga AC1(4) bertarikh 11 Ogos

2018 serta menurunkan tandatangannya (eksh P37(1)(A-D).

[25] SP3 telah membuat pemeriksaan di paha kanan tertuduh ketiga dan menjumpai empat paket plastik lutsinar yang dibalut dengan pita pelekat jernih yang mengandungi ketulan kristal disyaki dadah. SP3 telah memotong balutan tersebut dan membuat tandaan AC2(1) hingga AC2(4), bertarikh 11 Ogos 2018 serta menurunkan tandatangannya (eksh P37(2)(A-D).

[26] Pemeriksaan dalam pelapik kasut sebelah kiri tertuduh ketiga SP3 telah menjumpai satu paket plastik lutsinar dan SP3 telah membuat tandaan AC1(5B) (eksh P37(3)) dan di dalam pelapik kasut sebelah kanan pula telah menjumpai satu paket plastik lutsinar dan SP3 telah membuat tandaan AC2(5B) (eksh P37(4)) di mana masing-masing mengandungi bahan ketulan kristal disyaki dadah. Kasut yang dipakai oleh tertuduh ketiga berjenama TOMORROW SHOWTIME berwarna biru gelap.

[27] Dengan menggunakan penimbang yang telah disediakan oleh jabatan, SP3 telah menimbang kesemua paket plastik jernih tersebut dan mendapati anggaran berat keseluruhan dadah yang dirampas berjumlah 1,773.2g.

TERTUDUH KEEMPAT

[28] Pada diri tertuduh keempat, SP3 telah menjumpai empat paket plastik lutsinar yang dibalut dengan pita pelekat jernih yang mengandungi ketulan kristal disyaki dadah di bahagian paha kiri. SP3 telah memotong balutan tersebut dan membuat tandaan AD1(1) hinggan AD1(4) bertarikh 11 Ogos 2018 serta menurunkan tandatangannya (eksh P38(1)(A-D).

[29] SP3 telah membuat pemeriksaan di paha kanan tertuduh keempat dan menjumpai empat paket plastik lutsinar yang dibalut dengan pita pelekat jernih yang mengandungi ketulan kristal disyaki dadah. SP3 telah memotong balutan tersebut dan membuat tandaan AD2(1) hingga AD2(4), bertarikh 11 Ogos 2018 serta menurunkan tandatangannya (eksh P38(2)(A-D).

[30] Pemeriksaan dalam pelapik kasut sebelah kiri tertuduh ketiga, SP3 telah menjumpai satu paket plastik lutsinar dan SP3 telah membuat tandaan AD1(5B) (eksh P38(3)) dan di dalam pelapik kasut sebelah kanan pula telah menjumpai satu paket plastik lutsinar dan SP3 telah membuat tandaan AD2(5B) (eksh P38(3)) di mana masing-masing mengandungi bahan ketulan kristal disyaki dadah. Kasut yang dipakai oleh tertuduh keempat berjenama TOMORROW SHOWTIME berwarna putih.

[31] Dengan menggunakan penimbang yang telah disediakan oleh jabatan, SP3 telah menimbang kesemua paket plastik jernih tersebut dan mendapati

anggaran berat keseluruhan dadah yang dirampas berjumlah 1,673.6g.

TERTUDUH KELIMA

[32] Pada diri tertuduh kelima, SP3 telah menjumpai empatpaket plastik lutsinar yang dibalut dengan pita pelekat jernih yang mengandungi ketulan kristal disyaki dadah di bahagian paha kiri. SP3 telah memotong balutan tersebut dan membuat tandaan AE5(1) hingga AE5(4) bertarikh 11 Ogos 2018 serta menurunkan tandatangannya (P39(1)(A-D).

[33] SP3 telah membuat pemeriksaan di paha kanan tertuduh kelima dan menjumpai empat paket plastik lutsinar yang dibalut dengan pita pelekat jernih yang mengandungi ketulan kristal disyaki dadah. SP3 telah memotong balutan tersebut dan membuat tandaan AE2(1) hingga AE2(4), bertarikh 11 Ogos 2018 serta menurunkan tandatangannya (eksh P39(2)(A-D).

[34] Pemeriksaan dalam pelapik kasut sebelah kiri tertuduh kelima SP3 telah menjumpai satu paket plastik lutsinar dan SP3 telah membuat tandaan AE1(5B) (eksh P39(3)) dan di dalam pelapik kasut sebelah kanan pula telah menjumpai satu paket plastik lutsinar dan SP3 telah membuat tandaan AE2(5B) (eksh P39(4)) di mana masing-masing mengandungi bahan ketulan kristal di syaki dadah. Kasut yang dipakai oleh tertuduh kelima berjenama TOMORROW SHOWTIME berwarna coklat/tapak putih.

[35] Dengan menggunakan penimbang yang telah disediakan oleh jabatan, SP3 telah menimbang kesemua paket plastik jernih tersebut dan mendapati anggaran berat keseluruhan dadah yang dirampas berjumlah 1,721.6g.

TERTUDUH KEENAM

[36] Pada diri tertuduh keenam, SP3 telah menjumpai empat paket plastik lutsinar yang dibalut dengan pita pelekat jernih yang mengandungi ketulan kristal disyaki dadah di bahagian paha kiri. SP3 telah memotong balutan tersebut dan membuat tandaan AF1(1) hingga AF1(4) bertarikh 11 Ogos 2018 serta menurunkan tandatangannya (P40(1)(A-D).

[37] SP3 telah membuat pemeriksaan di paha kanan tertuduh keenam dan menjumpai empat paket plastik lutsinar yang dibalut dengan pita pelekat jernih yang mengandungi ketulan kristal disyaki dadah. SP3 telah memotong balutan tersebut dan membuat tandaan AF2(1) hingga AF2(4) bertarikh 11 Ogos 2018 serta menurunkan tandatangannya (eksh P40(2)(A-D).

[38] Pemeriksaan dalam pelapik kasut sebelah kiri tertuduh keenam SP3 telah menjumpai satu paket plastik lutsinar dan SP3 telah membuat tandaan

AF1 (5B) (eksh P40(3)) dan di dalam pelapik kasut sebelah kanan pula telah menjumpai satu paket plastik lutsinar dan SP3 telah membuat tandaan AF2 (5B) (eksh P40(4)) di mana masing-masing mengandungi bahan ketulan kristal di syaki dadah. Kasut yang dipakai oleh tertuduh keenam berjenama TOMORROW SHOWTIME berwarna hitam/tapak putih.

[39] Dengan menggunakan penimbang yang telah disediakan oleh jabatan, SP3 telah menimbang kesemua paket plastik jernih tersebut dan mendapati anggaran berat keseluruhan dadah yang dirampas berjumlah 1,771.4g.

[40] SP3 kemudiannya telah menyerahkan senarai bongkar yang di tandatangan oleh SP3 dan setiap seorang tertuduh, satu perakuan serah/terima barang kes sebagai bukti penyerahan, kesemua barang-barang kes yang dirampas dan keenam-enam tertuduh kepada Inspektor Noraini bt Sulaiman ('SP6') yang merupakan pegawai penyiasat kes ini.

[41] Pada 20 Ogos 2018, SP6 telah menyerahkan kesemua barang rampasan yang disyaki dadah tersebut kepada Encik Rahman bin Mamat ('SP5') ahli kimia di Jabatan Kimia Malaysia, Petaling Jaya, Selangor untuk dianalisis. Setelah analisis dibuat, SP5 mengesahkan bahawa ketulan-ketulan kristal tersebut adalah dadah jenis methamphetamine. Butiran terperinci berat dadah-dadah tersebut adalah seperti yang berikut:

(a) 1,297.02g bagi rampasan terhadap tertuduh pertama;

(b) 1,258.22g bagi rampasan terhadap tertuduh kedua;

(c) 1,284.74g bagi rampasan terhadap tertuduh ketiga;

(d) 1,226.15g bagi rampasan terhadap tertuduh keempat;

(e) 1,252.91g bagi rampasan terhadap tertuduh kelima; dan

(f) 1,263.02g bagi rampasan terhadap tertuduh keenam.

[42] SP6 juga telah melakukan siasatannya dengan mengambil salinan rakaman CCTV pada hari kejadian dan telah dimainkan di mahkamah sepertimana di eksh P69(1–7). Terdapat tujuh folder pada salinan rakaman CCTV tersebut yang menunjukkan kehadiran keenam-enam tertuduh di Lapangan Terbang KLIA2 pada hari kejadian bermula di mesin imbasan WTMD No 8 sehingga kepada penahanan tertuduh keenam di Balai Pelepasan Gate 6.

RINGKASAN KES PEMBELAAN

Pembelaan tertuduh pertama (Lim Zhen Qiang/SD1)

(a) saya bekerja di sebuah kedai aksesori kereta di Semenyih sebelum

ditangkap. Semasa ditangkap berumur 19 tahun;

(b) pada 11 Ogos 2018 saya berada di KLIA2 bersama kawan-kawannya iaitu tertuduh kedua, tertuduh ketiga serta tiga orang lelaki lain yang saya tidak kenali untuk menaiki kapal terbang ke Korea Selatan;

(c) tujuan saya ke Korea Selatan adalah untuk menghantar ubat larangan ke sana atas arahan bos dari 'The Company' yang merupakan penganjur kumpulan;

(d) saya mula mengenali 'The Company' melalui tertuduh kedua pada awal bulan Ogos 2018. Tertuduh kedua memberitahu saya bahawa dia nampak satu iklan di *Facebook* di mana 'The Company' ingin mengupah pekerja sambilan untuk membuat penghantaran barang ke luar negara;

(e) saya berminat untuk menjalankan kerja sambilan ini kerana saya memerlukan wang;

(f) pada awal Ogos 2018, nama saya, tertuduh kedua dan ketiga telah dimasukkan oleh 'The Company' dalam satu kumpulan perbualan di aplikasi *WeChat;*

(g) 'The Company' telah mengarahkan saya, tertuduh kedua dan ketiga untuk menghantar butiran peribadi kami ke kumpulan perbualan *WeChat* tersebut untuk tujuan membeli tiket penerbangan ke Korea Selatan;

(h) pada 7 Ogos 2018 lebih kurang pukul 5.30 petang, 'The Company' telah menghantar mesej dalam kumpulan perbualan *WeChat* dan mengarahkan kami ke sebuah bangunan bernama Scott Garden yang berlokasi di Jalan Klang Lama pada 9 Ogos 2018 pukul 8.30 malam;

(i) saya bersama tertuduh kedua telah pergi ke Scott Garden, khususnya unit C-08–22 sepertimana arahan 'The Company';

(j) apabila sampai di depan unit C-08–22, seorang lelaki gemuk bertocang yang kami panggil abang (wakil daripada 'The Company') telah buka pintu untuk kami;

(k) dalam unit tersebut, saya nampak tertuduh ketiga dan tiga orang lelaki Cina yang saya tidak kenali juga berada di situ. Kemudiannya baru saya kenal mereka sebagai tertuduh keempat, kelima dan keenam yang juga berada dalam kumpulan perbualan *WeChat* tersebut;

(l) antara pukul 11.30 malam pada 10 Ogos 2018 ke 12.30 pagi pada 11 Ogos 2018, bos (lelaki kurus) 'The Company' sampai di unit tersebut;

(m) bos datang membawa satu beg beroda berwarna hijau. Bos memberitahu bahawa kerja kami semua adalah untuk membawa barang ke Korea Selatan. Kemudiannya bos telah mengarahkan abang membuka beg beroda tersebut dan saya nampak beberapa paket plastik lutsinar

dikeluarkan oleh abang. Terdapat juga beberapa pasang seluar jeans dan kasut dalam beg beroda tersebut;

(n) abang suruh kami buka seluar supaya dia dan bos dapat membalut paket-paket lutsinar tersebut pada paha kami. Bos dan abang juga suruh kami pakai kasut-kasut yang dibawa oleh mereka. Abang memberitahu bahawa kasut-kasut tersebut telah dijahit dengan paket-paket plastik yang sama;

(o) saya bertanya kepada abang apa terkandung dalam paket-paket plastik tersebut dan kenapa ianya perlu dilekat di paha dan disimpan secara rahsia dalam kasut-kasut tersebut. Bos dan abang memberitahu bahawa paket-paket semua ini adalah ubat *gym* yang dilarang di Korea Selatan. Namun, mereka menyakinkan kami semua bahawa paket-paket itu bukan dadah berbahaya dan kami hanya akan dikenakan denda jika paket-paket tersebut dijumpai oleh pihak penguatkuasa;

(p) mulanya saya ragu-ragu untuk menghantar paket-paket tersebut tetapi bos mengugut saya untuk bayar balik kos tiket penerbangan jika saya enggan teruskan dengan kerja tersebut;

(q) bos menunjukkan satu video dalam telefonnya di mana seorang lelaki telah dipukul oleh beberapa orang. Bos memberitahu kami bahawa itulah akibatnya jika kami enggan menghantar paket-paket tersebut ke Korea Selatan. Pada masa itu, saya memang tidak mempunyai duit untuk membayar balik kepada bos. Saya juga takut akan dipukul seperti dalam video tersebut. Akhirnya, saya terpaksa mengikut arahan mereka;

(r) abang telah membalut empat paket 'ubat larangan' di paha kiri dan paha kanan saya masing-masing dengan menggunakan pita kertas. Kemudiannya, abang telah menyuruh kami memakai seluar jeans yang disediakan oleh 'The Company'. Saya juga disuruh memakai sepasang kasut disediakan oleh mereka yang terdapat paket 'ubat larangan' di bawah pelapik kasut masing-masing;

(s) selepas paket-paket tersebut siap dilekat pada paha kami, pada pukul 3 pagi (11 Ogos 2018) kami telah disuruh oleh bos dan abang untuk menaiki kereta Grab ke KLIA2 bagi penerbangan ke Korea Selatan. Kereta Grab sampai pada pukul 4 pagi. Sebelum menaiki kereta tersebut, bos telah memberi saya, tertuduh kedua hingga keenam setiap seorang RM2,000 sebagai duit perbelanjaan di Korea Selatan. Bos dan abang tidak pergi ke KLIA2 bersama kami. Abang dan bos tidak mengawal kami sepanjang perjalanan kami ke airport. Saya ada peluang untuk melarikan diri serta meminta tolong tetapi saya tidak berbuat demikian;

(t) kami tiba di KLIA2 sekitar pukul 5.30 pagi. Masa penerbangan kami ke Incheon, Korea Selatan adalah pada pukul 7.05 pagi. Sementara itu, saya tertuduh kedua dan ketiga telah pergi menukar mata wang Korea dan

membuat urusan daftar masuk dan percetakan boarding pass. Saya tidak tahu di mana tertuduh keempat, kelima dan keenam berada kerana kami telah berpisah jalan;

(u) lebih kurang pukul 6.30 pagi, kami bertiga terus menuju ke arah pintu P-06 untuk berjumpa dengan tertuduh keempat, kelima dan keenam. Sebelum sampai ke pintu P-06, saya telah melalui mesin *Walk Through Metal Detector* ('WTMD'). Saya telah meletak bag galas saya di mesin pengimbas sebelum saya melalui mesin WTMD;

(v) semasa saya melalui mesin WTMD kali pertama, mesin WTMD telah berbunyi. Saya menyedari bahawa saya lupa mengeluarkan telefon bimbit saya dari poket seluar saya. Selepas mengeluarkan telefon bimbit saya dan melalui mesin WTMD kali kedua, mesin WTMD masih berbunyi. Pegawai polis yang bertugas telah menghentikan saya dan membuat pemeriksaan ke atas tubuh badan saya. Seterusnya, saya telah dibawa satu bilik pemeriksaan;

(w) pada masa itu, tertuduh kedua dan ketiga telah berjaya melalui mesin WTMD dan menuju ke arah pintu P-06;

(x) dalam bilik pemeriksaan, pegawai polis telah membuat pemeriksaan tubuh badan atas saya dan mendapati terdapat paket-paket yang membonjol pada paha kiri dan kanan saya. Pegawai polis tersebut telah bertanya saya tentang isi kandungan paket-paket tersebut. Saya menjawab bahawa saya diberitahu oleh majikan saya ia adalah ubat *gym* untuk meningkatkan prestasi senam;

(y) pegawai polis itu telah tanya saya kenapa menyorok ubat tersebut sekiranya ia hanya ubat *gym*. Saya memberitahu pegawai polis tersebut bahawa saya telah diupah kerja sambilan untuk menghantar ubat *gym* tersebut ke Korea Selatan. Tetapi ubat *gym* tersebut adalah ubat larangan di Korea Selatan maka majikan saya telah menyorokkan ubat tersebut pada badan saya. Saya juga memberitahu pegawai polis itu bahawa terdapat juga paket-paket dalam kasut saya;

(z) seterusnya pegawai polis itu telah bertanya kepada saya adakah lagi kawan-kawan yang bersama dengan saya. Saya telah memberitahu bahawa saya datang dengan lima orang lagi kawan yang juga membawa barang yang sama. Saya diarahkan oleh pegawai polis untuk membawa mereka untuk mencari kawan-kawan saya;

(aa) tertuduh kedua, ketiga, keempat dan kelima telah dijumpai di luar bilik menunggu pintu P-06. Kelima-lima kami telah disuruh untuk menunggu ketibaan pegawai bahagian narkotik manakala tertuduh keenam dijumpai didalam bilik perlepasan pintu P-06. Kesemua kami kemudiannya telah dibawa ke satu pejabat di Aras 2;

(ab) di pejabat tersebut, pihak polis telah menyemak paket-paket yang dibalut

di paha kiri dan kanan saya, serta paket yang disorok di dalam kasut saya. Terdapat jumlah sepuluh paket 'ubat larangan' yang dicari pada badan dan kasut saya. Saya diberitahu oleh pihak polis bahawa berkemungkinan kesemua sepuluh paket tersebut mengandungi bahan disyaki dadah berbahaya jenis ais;

(ac) saya tidak tahu kandungan itu adalah dadah berbahaya. Saya telah banyak kali bertanya 'The Company' dan mereka telah memberi jaminan bahawa kandungan itu adalah ubat larangan sahaja dan saya hanya akan dikenakan denda jika paket-paket dijumpai oleh pihak penguatkuasa;

(ad) setelah saya mendapati kandungan dalam paket-paket adalah disyaki dadah, saya segera memberi penjelasan kepada polis bahawa saya tidak tahu bahawa kandungan di dalam paket-paket tersebut mengandungi dadah berbahaya yang menyalahi undang-undang serius;

(ae) saya juga telah memberitahu polis mengenai 'The Company' dan bahawa telefon bimbit saya mempunyai rekod perbualan dengan 'The Company'. Pegawai polis tersebut ada buka aplikasi *WeChat* dalam telefon bimbit saya tetapi dia tak faham memandangkan rekod perbualan *WeChat* kumpulan 'The Company' adalah di dalam tulisan Bahasa Cina. Pegawai polis tersebut memberitahu saya bahawa kalau ada apa-apa saya boleh maklumkan kepada pegawai penyiasat nanti;

(af) selepas mendapati paket-paket tersebut mengandungi dadah jenis ais, saya tidak berpeluang untuk menghubungi 'The Company' kerana telefon bimbit saya telah dirampas oleh polis;

(ag) semasa saya ditahan di dalam lokap, pihak polis telah datang mengambil percakapan saya dan bertanyakan soalan kepada saya. Saya telah memberitahu pihak polis berkenaan aplikasi *WeChat* serta segala penglibatan 'The Company'. Seingat saya, penjelasan saya telah dicatat dalam dokumen dan saya telah tandatangani dokumen tersebut apabila selesai;

(ah) saya tiada memberi sebarang maklumat berkenaan abang dan/atau bos kepada pihak polis kerana saya hanya berjumpa mereka sekali sahaja;

(ai) namun begitu, semasa saya ditahan reman di Penjara Sungai Buloh, sekitar Mac 2020, saya telah terserempak dengan abang di Penjara Sungai Buloh yang juga telah ditangkap kerana kesalahan mengedar dadah berbahaya. Kini saya telah tahu nama penuh abang iaitu Ho Chung Keat. Saya telah memberitahu maklumat ini kepada peguam saya;

(aj) tertuduh pertama telah mengemukakan percakapan beramarannya (eksh D113) yang telah dirakamkan oleh Inspektor Heidir bin Nor Zairudin pada 13 Ogos 2018 pukul 9 pagi di mana di antara lainnya tertuduh menyatakan seperti yang berikut:

(i) saya tahu bungkusan yang dibalut di kedua dua paha dan dalam kasut yang saya pakai ialah bahan disyaki dadah;

(ii) saya tidak tahu jenis dadah tersebut;

(iii) terdapat lapan paket bungkusan tersebut;

(iv) saya sedar bahawa saya telah membawa barang yang salah;

(v) ini kali pertama saya terlibat di dalam aktiviti penghantaran dadah;

(vi) upah yang saya terima adalah sebanyak RM2,000 sebagai wang perbelanjaan di Korea dan apabila saya selamat kembali ke Malaysia saya akan menerima RM3,500;

(vii) saya setuju untuk membawa dadah tersebut kerana saya perlukan wang untuk bayar hutang;

(viii) saya tahu saya membawa dadah setelah abang tunjukkan dadah itu kepada saya; dan

(ix) saya pernah menghisap dadah tetapi sudah lama.

Pembelaan tertuduh kedua (Yen Tai Xiang/SD2)

(a) sebelum ditangkap saya bekerja di kedai cermin kereta di Semenyih;

(b) pada 11 Ogos 2018, saya bersama tertuduh pertama, ketiga, keempat, kelima dan keenam berada di KLIA2 untuk bertolak menaiki kapal terbang ke Korea Selatan untuk menghantar ubat larangan dengan bayaran upah;

(c) saya berminat dengan kerja sambilan untuk menghantar hadiah ke luar negara setelah saya kenal dengan 'The Company' melalui satu 'Facebook posting' awal bulan Ogos 2018;

(d) selepas saya berada di dalam 'WeChat' 'The Company', kami diarahkan untuk pergi ke sebuah bangunan bernama Scott Garden di Jalan Klang Lama pada 9 Ogos 2018 pukul 8.30 malam. Kami ke unit C-08–22 seperti diarahkan oleh 'The Company';

(e) pada keesokkan harinya pada pukul 11 malam satu lelaki 'bertocang' bawa satu bag dan di dalamnya ada beberapa paket plastik dan beberapa pasang kasut dan perlu dihantar. Lelaki 'bertocang' mula ikat guna pita kertas dan menyuruh saya pakai kasut tersebut;

(f) saya tanya apa dalam plastik itu dan kasut itu, lelaki 'tocang' itu kata ini ubat *gym* untuk meningkatkan pretasi kesukanan orang yang ingin bersukan. Saya kata saya tak mahu bawa dadah yang salah tapi 'tocang' dan 'Dennis' kata ini bukan dadah, ubat *gym* untuk bersukan. Tocang kata ubat ini dilarang ke Korea dan perlu dirahsiakan oleh semua orang yang ke Korea;

(g) Dennis kata sekarang kita sudah bayar tiket dan banyak perbelanjaan telah dibuat kalau batal saya kena bayar balik. Sebab itu saya setuju bawa ubat *gym* itu dan dapat sedikit upah;

(h) selepas itu lebih kurang pukul 3 atau 4 pagi 11 Ogos 2018, kami menaiki kereta Grab ke KLIA2 untuk ke Korea Selatan. Saya dibayar RM2,000 sebagai upah yang saya ingat Dennis bagi untuk belanja jalan ke Korea Selatan;

(i) sampai di KLIA2 saya ditangkap kerana polis kata saya bawa barang salah. Selepas tangkap oleh polis kami dibawa ke *x-ray machine* seperti di dalam CCTV;

(j) saya tidak ingin bawa barang yang salah jenis dadah berbahaya. Hanya saya setuju bahawa ubat *gym* untuk sukan prestasi tinggi ke Korea Selatan;

(k) setahu saya kandungan dalam paket plastik dan barang dijumpai di dalam kasut bukannya dadah tetapi ubat *gym*;

(l) saya ada beritahu kepada pegawai penyiasat tentang 'WeChat' dan nama 'The Company'. saya beritahu 'The Company' suruh bawa barang ini ke Korea Selatan. Saya diberitahu sekarang 'The Company' ditangkap dan nama dia ialah Ho Chung Keat;

(m) saya tidak mengedar dadah. Saya tidak tahu paket-paket itu ada dadah berbahaya. Hanya tahu itu ubat *gym* dilarang masuk ke Korea Selatan;

(n) saya ada beritahu kepada pihak polis ketika itu bahawa saya hanya membawa ubat *gym*;

(o) saya ada terima ancaman kalau saya tidak bawa ubat tersebut. Mereka ada memiliki photo IC saya dan alamat rumah saya, saya takut mereka membuat sesuatu yang tidak baik pada rumah saya. Selepas saya diberitahu bahawa saya hendak bawa ubat larangan, seorang daripada mereka menunjukkan saya satu video yang seorang dibelasah kerana enggan bawa barang tersebut;

(p) bila sampai di KLIA saya tidak nampak tocang dan Dennis tersebut;

(q) saya tidak mengenali Ho Chung Keat di Penjara Sungai Buloh. Kali pertama saya jumpa Ho Chung Keat adalah di Scott Garden;

(r) tertuduh kedua telah mengemukakan percakapan beramarannya (eksh D120) yang telah dirakamkan oleh Inspektor Heidir bin Nor Zairudin pada 13 Ogos 2018 pukul 4 petang di mana di antara lainnya tertuduh menyatakan seperti yang berikut:

(i) pada 11 Ogos 2018 pukul 11 malam, lelaki Cina bertocang datang membawa satu bagasi berwarna hijau. Di dalamnya terdapat beberapa paket plastik dan beberapa pasang kasut. Lelaki tersebut

mengatakan barang-barang yang akan kami hantar ini adalah dadah;

(ii) saya tahu bungkusan yang dibalut di kedua paha dan dalam kasut yang saya pakai ialah bahan disyaki dadah. Namun begitu, saya tidak tahu jenis dadah tersebut;

(iii) saya sedar saya telah membawa barang yang salah sebab itu saya ditangkap oleh pihak polis;

(iv) saya pergi ke Korea untuk menghantar dadah yang dibalut di kaki saya;

(v) 'The Company' yang mengarahkan saya untuk membawa dadah tersebut. Bekalan dadah tersebut didapati daripada lelaki Cina yang datang ke rumah di Scott Garden;

(vi) lelaki Cina bertocang yang membalut bungkusan dadah tersebut di paha saya;

(vii) saya terima upah sebanyak RM2,000 sebagai wang perbelanjaan di Korea dan apabila selamat kembali ke Malaysia saya akan menerima RM3,500;

(viii) saya pergi ke Korea bersama tertuduh pertama, ketiga dan tiga orang lagi yang saya tidak kenal;

(ix) saya bersetuju untuk membawa dadah tersebut kerana saya perlukan wang untuk membayar hutang;

(x) saya tahu saya membawa dadah setelah lelaki Cina bertocang itu menunjukkan dadah itu kepada saya; dan

(xi) saya pernah menghisap dadah tetapi sudah lama tidak hisap.

Pembelaan tertuduh ketiga (Yap Fook Chen/SD3)

(a) sebelum ditangkap saya bekerja membaiki penghawa dingin dan membuat *wiring*;

(b) pada awal bulan Ogos 2018, saya meminta tertuduh kedua mencari kerja untuk saya. Kemudian pada 9 Ogos 2018, tertuduh kedua telah memberitahu saya ada kerja untuk menghantar barang ke luar negara. Disebabkan saya memang mencari kerja, maka saya setuju untuk mengikuti Gordon untuk mendapatkan kerja tersebut;

(c) pada awal bulan Ogos 2018 juga, saya telah dimasukkan ke dalam kumpulan perbualan di aplikasi 'WeChat' dan penganjur kumpulan adalah 'The Company';

(d) ahli-ahli kumpulan tersebut yang saya kenali hanyalah tertuduh pertama dan kedua;

(e) penganjur kumpulan perbualan tersebut 'The Company' telah menyuruh kami menghantar butiran peribadi seperti nama, nombor kad pengenalan dan nombor passport ke dalam kumpulan perbualan tersebut. Tujuannya adalah untuk membeli tiket penerbangan ke Korea. Kami juga disuruh untuk menunggu arahan selanjutnya dari 'The Company';

(f) kemudian, 'The Company' telah menghantar mesej ke dalam kumpulan perbualan dan menyuruh kami untuk pergi ke sebuah tempat bernama Scott Garden yang terletak di Jalan Klang Lama pada pukul 2.30 petang;

(g) saya telah pergi ke sana dengan menaiki grab yang telah dipesan oleh 'The Company' kemudian saya disuruh untuk naik ke tingkat lapan, nombor 22;

(h) lebih kurang pukul 8.30 hingga 9 malam, tertuduh pertama dan kedua sampai. Di dalam rumah juga terdapat seorang lelaki Cina gemuk bertocang. Dia memperkenalkan diri sebagai wakil 'The Company' dan saya hanya memanggil dia Lenchai. Saya tidak pernah berjumpa langsung dengan dia sebelum kejadian ini;

(i) lebih kurang pukul 2 pagi, 11 Ogos 2018 bos (lelaki kurus) 'The Company' datang membawa satu bagasi berwarna hijau seakan biru tetapi saya tidak tahu apa yang ada di dalam beg itu;

(j) bos memberitahu bahawa kerja kami adalah untuk membawa barang ke Korea Selatan. Kemudian bos mengarahkan Lenchai untuk membuka beg beroda tersebut dan saya nampak beberapa paket plastik lutsinar, pakaian dan kasut dalam beg tersebut;

(k) kemudian, Lenchai telah memanggil saya dan dia telah membalut paket-paket plastik lutsinar tersebut di paha saya. Saya juga disuruh untuk memakai kasut yang dibawa oleh mereka. Ketika saya memakai kasut tersebut, saya merasakan seperti ada benda di dalamnya, tetapi tidak pasti apakah benda tersebut;

(l) Lenchai dan bos memberitahu bahawa paket-paket semua ini adalah ubat *gym* yang dilarang di Korea Selatan. Mereka juga menyatakan dengan yakin bahawa paket-paket tersebut bukan dadah berbahaya, sekiranya ditangkap pun hanya akan dikenakan denda sahaja;

(m) saya ragu-ragu awalnya untuk menghantar barangan tersebut tetapi bos dan Lenchai telah mengugut saya untuk membayar balik kos tiket penerbangan dan kos lain yang ada sekiranya saya tidak teruskan dengan kerja tersebut. Mereka juga ada tunjukkan kepada kami video seorang lelaki dipukul kerana enggan menghantar paket-paket ini. Saya jadi takut kerana saya tidak mempunyai wang untuk membayar semula kos kepada 'The Company'. Jadi, saya teruskan juga;

(n) Lenchai telah membalut empat paket di setiap paha kiri dan kanan saya. Kemudian, saya disuruh memaki kasut yang disediakan yang terdapat juga paket ubat larangan tersebut di bawah pelapik kasut tersebut;

(o) setelah selesai urusan 'The Company' membalut paket-paket tersebut, lebih kurang pukul 4.30 pagi, bos telah memanggil Grab untuk menghantar kami semua ke KLIA2 bagi penerbangan ke Korea Selatan. Bos juga telah memberikan kepada saya RM2,000 sebagai duit perbelanjaan di Korea Selatan;

(p) saya, tertuduh pertama, kedua, keempat, kelima dan keenam menaiki kenderaan ke KLIA2. Lenchai dan bos tidak ikut bersama kami;

(q) kami sampai di KLIA2 lebih kurang pukul 5.30 ke 6 pagi. Kami pergi buat urusan *check-in* dan mencetak *boarding pass*. Saya juga menukar duit di sini bersama-sama tertuduh pertama dan kedua. Tertuduh keempat, kelima dan keenam tidak bersama kami kerana berpisah jalan;

(r) di KLIA2, Lengchai dan bos tidak ada bersama-sama kami;

(s) saya, tertuduh pertama dan kedua pergi menukar duit. Selepas itu kami bertiga bersarapan dahulu di McDonalds di KLIA2;

(t) masa penerbangan kami ke Incheon, Korea Selatan adalah pada pukul 7.05 pagi;

(u) selepas itu saya tidak bergerak bersama tertuduh pertama. Saya terus daftar masuk dan terus masuk ke ruang menunggu perlepasan antarabangsa. Saya telah melalui WTMD dan masuk melalui pintu P-06 ke bahagian perlepasan antarabangsa tersebut;

(v) semasa saya menunggu bersama dengan yang lain di hadapan pintu P-06 itu, saya nampak tertuduh pertama telah datang bersama beberapa orang polis dan ketika itu saya baru tahu yang kami semua ditahan;

(w) kami semua diminta untuk keluar dari situ dan dibawa ke satu pejabat yang terletak di Aras 2. Polis telah meminta saya untuk membuka baju dan seluar, di mana mereka telah menjumpai paket-paket yang dibalut di paha kiri dan kanan saya serta paket yang telah disorokkan dalam kasut saya. Polis menjumpai sepuluh paket ubat larangan pada badan saya. Saya diberitahu bahawa mereka mengesyaki ubat larangan tersebut adalah dadah berbahaya jenis 'ice';

(x) saya tidak tahu bahawa paket itu sebenarnya mengandungi dadah berbahaya. Saya hanya tahu bos dan Lenchai menyatakan kepada kami semua bahawa itu hanya ubat larangan, dan kalau ditangkap atau dijumpai oleh penguatkuasa, kami hanya akan dikenakan denda sahaja;

(y) saya berulang kali memberikan penjelasan kepada polis tersebut bahawa saya langsung tidak tahu itu adalah dadah berbahaya. Saya juga telah

maklumkan barang ini telah diberikan oleh 'The Company'. Saya meminta polis untuk mengambil telefon bimbit untuk saya tunjukkan rekod perbualan kumpulan di aplikasi 'WeChat';

(z) saya tidak dapat menunjukkan rekod perbualan tersebut disebabkan telefon bimbit saya telah dirampas oleh polis. Saya tidak mempunyai peluang langsung untuk menghubungi 'The Company' semula selepas diberitahu paket-paket tersebut mengandungi dadah berbahaya jenis 'ice' kerana telefon bimbit saya telah dirampas oleh polis;

(aa) ketika ditahan di lokap, ada polis datang mengambil percakapan saya dan bertanya soalan kepada saya. Saya telah memberitahu kepada pihak polis berkenaan perbualan kumpulan di aplikasi 'WeChat' dan penglibatan 'The Company'. Segala penjelasan saya dicatat dalam dokumen itu dan saya telah tandatangan dokumen tersebut setelah selesai ambil percakapan;

(ab) saya tidak memberikan sebarang maklumat berkenaan bos atau Lenchai ini kepada polis kerana saya tidak kenal kedua-dua lelaki ini dan hanya jumpa sekali sahaja sebelum kejadian ini. Namun begitu ketika saya ditahan reman di Penjara Sungai Buloh, saya terserempak dengan lelaki yang saya panggil Lenchai. Dia juga ditahan akibat kesalahan mengedar dadah berbahaya. Saya tahu nama penuh dia adalah Ho Chung Keat. Saya telah memberitahu kepada peguam maklumat ini;

(ac) saya tidak mengedar dadah berbahaya pada sepanjang masa material. Saya juga tidak tahu langsung bahawa paket-paket tersebut mengandungi dadah berbahaya;

(ad) tertuduh ketiga telah mengemukakan percakapan beramarannya (eksh D121) yang telah dirakamkan oleh Inspektor Heidir bin Nor Zairudin pada 14 Ogos 2018 pukul 6 petang di mana di antara lainnya tertuduh menyatakan seperti yang berikut:

(i) pada 11 Ogos 2018 lebih kurang pukul 2 pagi, Lenchai ada bawa satu bagasi. Bila Lenchai buka beg itu saya nampak beberapa paket plastik lutsinar yang didalamnya mengandungi dadah dan beberapa pasang kasut;

(ii) kemudian Lenchai meletakkan dadah pada paha saya. Setiap paha diletakkan empat paket yang didalamnya mengandungi dadah. Kemudian saya diarahkan oleh Lenchai untuk memakai kasut. Saya ada merasakan sesuatu yang lain di dalam kasut saya tetapi saya tidak pasti apa;

(iii) bos bagi saya RM2,000 dan juga kepada tertuduh-tertuduh yang lain;

(iv) saya tidak tahu bungkusan yang dibalut di kedua paha dan dalam

kasut yang saya pakai ialah bahan yang disyaki dadah;

(v) saya tidak tahu jenis dadah tersebut;

(vi) saya tahu bahawa saya telah bawa barang yang salah;

(vii) tujuan saya pergi ke Korea adalah untuk menghantar bungkusan dadah yang dibalut di paha saya;

(viii) 'The Company' yang mengarahkan saya untuk membawa dadah tersebut. Saya mendapat bekalan dadah tersebut daripada dua lelaki Cina yang saya panggil Lengchai sahaja;

(ix) saya terima upah sebanyak RM2,000 sebagai wang perbelanjaan di Korea dan apabila saya selamat kembali ke Malaysia saya akan menerima RM3,500;

(x) saya setuju untuk membawa dadah tersebut kerana saya perlukan wang;

(xi) saya tahu saya membawa dadah tersebut setelah dua lelaki Cina itu tunjukkan dadah itu kepada saya; dan

(xii) saya pernah menghisap dadah pil goyang.

Pembelaan tertuduh keempat (Joon Zheng Han/SD4)

(a) sebelum ditangkap tertuduh bekerja sebagai pegawai jualan Lenovo Sdn Bhd di Mid Valley Kuala Lumpur;

(b) pada 4 Julai 2018, saya telah mengenali seorang lelaki bernama Danny Lim dari *Facebook* tetapi kini akaun *Facebook*nya tidak aktif lagi. Dia tawarkan saya 'Free Travel Bersama Rakan';

(c) selepas itu ditanya sama ada perlukan duit atau tidak dan saya cakap OK tapi tiada kaitan dengan dadah. Selepas itu, dia tidak menghubungi saya lagi;

(d) pada bulan Ogos 2018, seorang wanita Cina telah menghubungi saya dan bertanya sama ada saya minat untuk travel atau tidak. Kemudian dia menyuruh saya menambah kenalan bernama 'Kick The Fool' di aplikasi *WeChat* dan menawarkan upah sebanyak RM8,000 untuk menghantar hadiah. Selepas itu saya telah diarahkan untuk menambah kenalan bernama 'Company Director' di dalam aplikasi *WeChat* 'Company';

(e) selepas saya menambah kenalan bernama 'Kick the Fool', wanita Cina tersebut telah meminta gambar kad pengenalan, gambar pasport, dan nombor telefon saya untuk membeli tiket penerbangan. Saya telah memberikan apa yang diminta;

(f) kemudian, 'Company Director' telah memberikan satu tarikh untuk menghantar hadiah. Dia mengarahkan saya pada 9 Ogos 2018 untuk ke

Scott Garden dan bertanya saiz kasut yang saya pakai;

(g) saya menaiki kereta ke Scott Garden. Saya memberitahu 'Company Director' bahawa saya telah sampai pada pukul 10 pagi. Kemudian, 'Company Director' telah memberi alamat rumah iaitu Tower C-08–22. Namun, saya terpaksa pulang ke rumah saya terlebih dahulu kerana tertinggal passport saya. Kemudiannya, saya kembali semula ke Scott Garden pada pukul 2 petang dan terus naik ke alamat yang diberikan;

(h) selepas saya masuk ke dalam unit C-08–22. Di dalam unit ini saya mendapati terdapat lima lelaki di dalamnya yang saya tidak kenali iaitu tertuduh pertama, kedua, ketiga, kelima dan keenam;

(i) pada 11 Ogos 2018 pukul 1 pagi, Lenchai datang bersama lelaki Cina gemuk bertocang yang saya panggil sebagai 'Taiko'. Mereka datang membawa satu bagasi warna biru seakan hijau. Taiko telah membuka bagasi tersebut. Saya nampak ada beberapa puluh paket plastik lutsinar dan beberapa pasang kasut;

(j) saya ada tanya adakah kandungan di dalam paket plastik lutsinar tersebut mengandungi dadah. Lenchai dan Taiko kata ini adalah ubat *gym* sahaja. Lenchai telah memberitahu kami semua bahawa kesemua ubat *gym* adalah untuk meningkatkan prestasi;

(k) selepas itu, Taiko dan Lenchai membalut empat paket ubat *gym* di paha kiri dan empat paket ubat di paha kanan kami dengan menggunakan pita pelekat. Kemudian saya disuruh pakai kasut yang dibawa oleh mereka. Saya berasa takut dan mahu pulang ke rumah. Tapi Taiko beritahu saya jangan risau ubat *gym* ini hanya dilarang di Korea sahaja. Di Malaysia, hanya dikenakan denda sahaja;

(l) saya takut Taiko marah apabila saya tak mahu hantar ubat *gym* kerana tiket penerbangan telah dibeli. Kalau hendak balik ke rumah, saya perlu membayar dulu kos tiket. Saya tidak mempunyai wang pada ketika itu dan hanya menurut kerana takut kepada Taiko. Dia berbadan besar dan saya lihat tertuduh lain juga takut;

(m) disebabkan takut saya bersetuju untuk menghantar ubat *gym* tersebut. Pada ketika itu, saya memang tidak mempunyai apa-apa duit untuk membayar balik kos tiket penerbangan. Kami juga telah digertak bahawa jika kami tidak mengikut arahan, kami akan dipukul oleh mereka. Saya tidak mempunyai cara lain dan terpaksa mengikuti arahan mereka;

(n) selepas Lenchai dan Taiko lekatkan ubat *gym* ke paha, Taiko mengarahkan kami ke KLIA2 dan memberi RM2,000 setiap seorang untuk berbelanja di Korea. Taiko memesan Grab dan mengarahkan kami turun untuk menaiki Grab kereta Alza tersebut. Dia juga berpesan supaya jangan buat hal kerana kami akan dipantau sepanjang perjalanan ke KLIA2;

(o) taiko dan Lenchai tidak ikut kami pergi ke KLIA2;

(p) setelah sampai ke KLIA2, saya membuat urusan daftar masuk dan mencetak *boarding pass*. Saya juga telah pergi menukar duit dan juga telah membeli sarapan pagi;

(q) masa penerbangan adalah pada pukul 7.05 pagi dan destinasi kami adalah Incheon, Korea Selatan;

(r) saya seterusnya hendak pergi ke arah pintu P-06 di mana saya dikehendaki melalui mesin WTMD terlebih dahulu. Saya telah meletakkan telefon bimbit saya bersama dengan beg galas saya di mana selepas melalui mesin WTMD, saya telah mengambil semula beg galas saya dan juga telefon bimbit saya untuk pergi ke arah pintu P-06;

(s) selepas itu, semasa saya sedang menggunakan telefon bimbit saya, saya terlihat tertuduh pertama datang bersama beberapa orang pihak polis dan saya bersama dengan beberapa orang yang lain telah disuruh untuk mengikut pihak polis tersebut;

(t) saya bersama dengan tertuduh-tertuduh yang lain telah mengikut pihak polis tersebut ke satu pejabat di Aras 2. Pegawai polis telah memeriksa tubuh badan saya dan telah menjumpai ubat *gym* pada paha kiri dan paha kanan saya serta di dalam kasut saya;

(u) saya tidak tahu kandungan paket pada paha saya adalah dadah berbahaya sebab Taiko dan Lenchai telah memberitahu saya bahawa itu adalah ubat *gym* sahaja yang mana saya akan kena denda sahaja jikalau dijumpai oleh pihak berkuasa;

(v) apabila saya dimaklumkan oleh pihak polis bahawa kandungan paket-paket yang ada pada kamu adalah disyaki dadah, saya berasa hairan dan saya telah beberapa kali memberitahu polis untuk melihat kepada perbualan *WeChat* saya berkenaan dengan chat 'Company' yang menunjukkan barang tersebut bukan kepunyaan saya;

(w) saya tidak diberikan sebarang ruang untuk menunjukkan perbualan *WeChat* tersebut kerana telefon bimbit saya telah pun dirampas oleh pihak polis;

(x) saya ada beritahu kepada pegawai penyiasat berkenaan dengan perkara ini di mana terdapat rakaman perbualan di dalam aplikasi *WeChat* berkenaan dengan penglibatan 'Company'. Pegawai Penyiasat telah mencatatkan penjelasan saya dan saya telah menandatangani dokumen tersebut;

(y) saya tidak mengedar dadah berbahaya pada sepanjang masa material. Saya tidak mempunyai sebarang pengetahuan bahawa paket-paket tersebut mengandungi dadah berbahaya;

(z) saya ada jumpa Lencai dan Taiko di Penjara Sungai Buloh. Nama Taiko adalah Ho Chung Keat;

(aa) tertuduh keempat telah mengemukakan percakapan beramarannya (eksh D122) yang telah dirakamkan oleh Inspektor Heidir bin Nor Zairudin pada 14 Ogos 2018 pukul 4.45 petang di mana di antara lainnya tertuduh menyatakan seperti yang berikut:

(i) saya tahu bungkusan yang dibalut di kedua-dua paha dan dalam kasut yang saya pakai ialah bahan disyaki dadah;

(ii) saya tidak tahu jenis dadah tersebut;

(iii) saya tahu saya telah membawa barang yang salah;

(iv) tujuan saya pergi ke Korea adalah untuk menghantar bungkusan dadah yang dibalut di kaki saya;

(v) 'company director' yang mengarahkan saya untuk membawa dadah tersebut;

(vi) bekalan dadah tersebut didapati daripada Taiko dan Lenchai;

(vii) Taiko yang balut bungkusan dadah tersebut di paha saya di dalam rumah di Scott Garden;

(viii) saya pergi ke Korea bersama-sama lima tertuduh lain yang saya tidak kenali;

(ix) saya bersetuju untuk membawa dadah tersebut sebab saya memerlukan wang kerana berhutang dengan kawan berjumlah RM5,000; dan

(x) saya tahu saya membawa dadah setelah dua lelaki Cina itu tunjukkan dadah itu kepada saya.

Pembelaan tertuduh kelima (Lo Wei Ryh/SD5)

(a) sebelum ditangkap saya bekerja sebagai promoter sambilan di Aeon Jusco Mahkota Cheras, Kuala Lumpur;

(b) pada bulan Julai 2018, saya ada melihat iklan yang dikongsi dalam satu kumpulan laman web *Facebook* oleh seorang pengguna yang bernama 'AI'. Iklan tersebut telah menawarkan kerja dengan upah RM5,000 untuk penghantaran hadiah ke luar negara. Saya masih ingat bahawa iklan tersebut ada menyatakan bahawa barang yang dibawa pasti bukan dadah. Saya kemudiannya telah menghantar mesej melalui *Facebook* dan saya kemudiannya telah diminta untuk menambahnya sebagai kenalan di *WeChat.* Nama akaun penggunanya di *WeChat* adalah 'Company'. 'Company' kemudiannya telah memasuki saya ke dalam satu kumpulan *WeChat* yang bernama Korea Trip. Seingat saya, tertuduh keenam dan

'Company' juga berada dalam Kumpulan *WeChat* tersebut;

(c) 'Company' kemudiannya telah menyuruh saya untuk mencari dia di Scott Garden di Blok B. Saya tidak ingat nombor rumah tersebut;

(d) pada 8 Ogos 2018 'Company' telah masukkan saya ke dalam satu *WeChat* group nama 'Korea' (dalam tulisan Cina) dan mesej saya melalui *WeChat* dan bagitahu dia sudah ada maklumat peribadi saya dan arahkan saya untuk pergi trip kali ini tetapi saya tidak tahu untuk tujuan apa. Saya diarahkan untuk ke Scott Garden di alamat Blok C-08–22;

(e) pada 9 Ogos 2018 saya telah pergi ke alamat yang telah 'Company' berikan dan saya telah jumpa dengan tertuduh keenam. Kami berdua telah pergi ke alamat yang telah diberikan. Tetapi pada masa tersebut tidak ada orang lagi. Saya dan tertuduh keenam telah pergi makan di kedai bawah dan selepas makan saya dan tertuduh keenam naik semula ke alamat yang telah diberikan. Semasa tiba di rumah tersebut tertuduh ketiga dan tertuduh keempat ada di dalam rumah. Selepas itu, tertuduh pertama dan kedua ada datang ke rumah tersebut. Ho Chung Keat juga ada datang ke rumah itu juga;

(f) pada 11 Ogos 2018 lebih kurang 1 pagi, Ho Chung Keat telah membuka satu beg berwarna hijau cerah dan telah membuka beg tersebut di hadapan kami semua. Pada masa itu, terdapat seorang lelaki Cina yang kurus yang juga datang bersama dengannya. Saya kini tahu nama lelaki Cina kurus tersebut adalah Dennis Goh Zhan You selepas saya telah berada di Penjara Sungai Buloh. Saya berasa terkejut apabila melihat ada beberapa paket berisi warna putih dan beberapa pasang kasut dalam beg tersebut;

(g) kami berasa terkejut melihat barang tersebut dan saya tidak bersetuju untuk bawa barang tersebut. Ho Chung Keat telah berbincang dengan Dennis tetapi Ho Chung Keat telah kata kepada kami semua bahawa kami perlu menggantikan semua wang sahaja baru lah kami boleh balik. Ho Chung Keat juga telah rampas telefon bimbit saya dan tukar *lock* telefon bimbit saya supaya berada dalam keadaan tidak berkunci sebelum memberikannya balik kepada saya. Dennis Goh Zhan You telah memberitahu kami untuk jangan risau kerana barang itu adalah ubat larangan *gym* sahaja dan bukan dadah berbahaya. Pada masa itu, saya ada bertanya kepada Dennis sendiri apa jenis ubat larangan *gym* tersebut dan Dennis telah kata kepada saya bahawa barang tersebut adalah clenbuterol. Saya telah akhirnya bersetuju untuk membawa barang tersebut kerana kami tidak ada duit untuk ganti dan saya percaya barang tersebut bukan dadah berbahaya;

(h) Ho Chung Keat kemudiannya telah mengambil empat paket plastik tersebut dan meletakkannya di kedua-dua paha saya. Selepas itu, Dennis telah membuat demonstrasi dengan membalut paket-paket plastik

tersebut dengan pita pelekat ke atas kedua-dua paha saya. Dennis kemudiannya juga telah membalut barang tersebut ke paha tertuduh keenam dan tertuduh ketiga manakala Ho Chung Keat telah meletakkan paket-paket plastik di paha orang lain dan telah membalut paha mereka;

(i) Ho Chung Keat kemudiannya telah menyuruh saya untuk memilih dan memakai kasut yang dibawa olehnya. Kemudian, kami tunggu. Setelah itu Dennis telah keluar daripada rumah itu dan telah datang balik pada pukul 4.30 pagi dan memberikan setiap orang RM2,000. Kami diarahkan untuk pergi ke bawah kerana kereta Grab telah sampai. Kami telah menaiki sebuah kereta Alza dan telah tiba di KLIA2 pada pukul lebih kurang 5.30 pagi;

(j) saya telah meminta Mak atau tertuduh keenam untuk membantu saya menukar mata wang korea dan saya telah membantunya untuk mencetak tiket penerbangan. Kemudian, kami semua telah melalui perlepasan antarabangsa dan saya telah melepasi semakan sekuriti;

(k) saya telah menunggu di luar pintu P6 bersama dengan tertuduh kedua, ketiga, keempat dan keenam. Semasa saya dalam perjalanan ke dalam pintu P6, saya ternampak tertuduh pertama telah datang bersama dengan polis. Saya telah ditahan bersama dengan tertuduh pertama, kedua, ketiga dan keempat;

(l) kami dibawa ke satu kawasan untuk menunggu dan beberapa minit kemudian lebih kurang 15 hingga 30 minit, tertuduh keenam telah dibawa dan tertuduh keenam telah tunggu bersama dengan kami. Kami kemudiannya dibawa ke satu pejabat untuk disemak oleh beberapa orang anggota polis. Selepas semakan awal ini, kami kemudiannya telah dibawa ke Pejabat Narkotik KLIA2 di mana balutan pada paha saya telah dibuka dan gambar telah diambil. Pada masa itu, terdapat beberapa orang pegawai polis yang mengendalikan barang-barang yang dijumpa. Saya telah cuba untuk terangkan kepada pihak polis bahawa barang yang dijumpai pada saya adalah sebenarnya ubat larangan *gym* sahaja;

(m) saya juga ada menunjukkan perbualan saya dengan 'Company' kepada pihak polis dan menerangkan kepada polis tentang peranan dua orang penama lelaki Cina bertocang (Ho Chung Keat) dan lelaki Cina yang kurus (Dennis Goh Zhan You). Sepanjang masa daripada tangkapan saya sehingga siasatan polis, telefon bimbit saya berfungsi dan sejarah perbualan dalam kumpulan *WeChat* pada masa itu tidak terpadam. Saya telah menunjukkan sejarah perbualan tersebut kepada pihak polis;

(n) saya hanya membawa barang yang dijumpai pada saya pada 11 Ogos 2018 kerana telah mempercayai kata-kata Dennis Goh Zhan You dan Ho Chung Keat bahawa barang tersebut adalah clenbuterol iaitu ubat larangan *gym* yang tidak berbahaya. Saya juga berasa takut pada masa itu kerana tidak mempunyai wang untuk membayar balik Ho Chung Keat

dan Dennis Goh Zhan You. Pada masa itu, saya telah berada di dalam rumah mereka dan berada di bawah pemantauan mereka. Saya tidak akan membawa barang yang dijumpai sekiraya saya sedar bahawa barang tersebut adalah dadah methamphetamine;

(o) saya mendapat tahu tentang nama Dennis dan Ho Chung Keat di Penjara Sungai Buloh;

(p) saya membawa item ini sebab saya ingat ia hanyalah ubat larangan *gym*, jika saya tahu ia adalah dadah saya tidak akan membawa kerana ubat larangan *gym* hanya akan didendakan, tetapi untuk dadah saya akan dipenjarakan;

(q) tertuduh kelima telah mengemukakan percakapan beramarannya (eksh D118) yang telah dirakamkan oleh DSP M Navamany pada 14 Ogos 2018 pukul 3 petang dimana di antara lainnya tertuduh menyatakan seperti yang berikut:

(i) pada 11 Ogos 2018 lebih kurang pukul 1 pagi, lelaki Cina bertocang datang membawa bagasi warna hijau cerah dan dia buka bagasi tersebut dan di dalamnya ada beberapa paket berisi warna putih dan beberapa pasang kasut;

(ii) kami merasa terkejut melihat barang tersebut dan tidak bersetuju untuk membawanya. Lelaki Cina berkata perlu ganti semua wang baru boleh balik. Kami bersetuju untuk bawa barang tersebut kerana kami tiada duit untuk ganti;

(iii) lelaki Cina bertocang itu terus membalut barang tersebut di paha orang lain dan kemudian dia mengambil empat paket dadah tersebut dan letakkan di paha saya dan membalutnya dengan menggunakan pita pelekat. Dia juga menyuruh saya memilih dan memakai kasut yang dibawa olehnya;

(iv) selepas itu, lelaki Cina kurus datang ke rumah tersebut dan memanggil Grab untuk mengambil kami ke KLIA2. Dia berikan RM2,000 kepada setiap seorang kami. Kami terus naik kereta Alza untuk pergi ke KLIA2;

(v) lebih kurang 5.30 pagi kami sampai di KLIA2. Saya minta bantuan tertuduh keenam untuk tukarkan duit poket saya ke mata wang Korea. Lepas boarding pass dicetak, kami terus pergi ke pintu P6 dan duduk di sana;

(vi) tertuduh pertama datang bersama pihak polis dan tahan kami untuk diperiksa kecuali tertuduh keenam yang sudah masuk ke dalam pintu P6. Kami dibawa ke Balai Polis dan telah diperiksa. Polis yang tahan saya telah potong bungkusan dadah di kaki saya;

(vii) saya tahu bungkusan yang dibalut di kedua-dua paha dan dalam

kasut yang saya pakai ialah bahan disyaki dadah iaitu empat paket setiap paha dan dua paket di dalam kasut kiri dan kanan;

(viii) saya tidak tahu jenis dadah tersebut;

(ix) saya tahu saya telah membawa barang yang salah;

(x) tujuan saya pergi ke Korea adalah untuk menghantar bungkusan dadah yang dibalut di kaki saya;

(xi) 'company' yang mengarahkan saya untuk membawa dadah tersebut;

(xii) bekalan dadah tersebut didapati daripada kedua-dua lelaki Cina tersebut;

(xiii) lelaki Cina bertocang yang balut bungkusan dadah tersebut di paha saya di dalam rumah di Scott Garden;

(xiv) ini kali kedua saya terlibat di dalam aktiviti penghantaran dadah;

(xv) saya menggunakan penerbangan Air Asia untuk membawa dadah tersebut;

(xvi) saya diberikan upah RM2,000 sebagai wang perbelanjaan di Korea dan bila kembali ke Malaysia saya akan menerima RM10,000;

(xvii) saya setuju untuk membawa dadah tersebut kerana saya memerlukan wang dan saya takut pada mereka;

(xviii) saya tahu saya membawa dadah setelah lelaki Cina bertocang itu tunjukkan dadah itu kepada saya; dan

(xix) saya tidak pernah menghisap dadah.

Pembelaan tertuduh keenam (Mak Kwong Ming/SD6)

(a) sebelum ditangkap saya bekerja sebagai seorang pemandu Grab;

(b) pada bulan Jun 2018, saya ada melihat iklan yang dikongsi dalam satu kumpulan laman web *Facebook* oleh seorang pengguna menawarkan kerja untuk penghantaran hadiah ke luar negara. Saya masih ingat bahawa iklan tersebut ada menyatakan bahawa barang yang dibawa pasti bukan dadah. Saya kemudiannya telah menghantar mesej melalui *Facebook* dan saya kemudiannya telah dimasukkan ke dalam satu group *WeChat* yang bernama Taiwan *Trip*. Di dalam group *WeChat* tersebut ada tiga orang pengguna termasuk saya dan salah satu daripada pengguna tersebut menggunakan nama 'Company'. 'Company' telah memasukkan duit ke dalam akaun bank saya dan telah memberi dan telah memberi saya satu tiket penerbangan ke Taiwan melalui *Wechat* kepada saya untuk pergi ke Taiwan. Pada masa itu, saya tidak diminta untuk membawa apa-apa barang dan hanya dimaklumkan bahawa tiket penerbangan

tersebut adalah percuma. Saya telah bersetuju dengan permintaan 'Company' kerana saya percaya akan mendapat duit dan perjalanan percuma ke Taiwan tanpa keperluan untuk membawa apa-apa. Berikutan itu, pada 2 Julai 2018, saya bersama dengan seorang lelaki India yang bernama, Lim Chein Tiong telah pergi ke Taiwan tanpa membawa apa-apa barang atas arahan 'Company';

(c) pada bulan Jun 2018, saya ada melihat iklan yang dikongsi dalam satu kumpulan laman web *Facebook*. Iklan tersebut telah menawarkan kerja untuk penghantaran hadiah ke luar negara. Iklan tersebut ada menyatakan bahawa barang yang dibawa pasti bukan dadah. Saya kemudiannya telah menghantar mesej melalui *Facebook*. Pada 9 Ogos 2018 lebih kurang pukul 4.30 petang, saya telah dimasukkan ke dalam satu Kumpulan *WeChat* bertulis 'Korea' (dalam tulisan bahasa Cina) untuk penghantaran hadiah ke Korea dan saya dijanjikan upah sebanyak RM8,000 hingga RM10,000 termasuk duit poket. Di dalam *group* tersebut ada tujuh orang termasuk satu pengguna dengan nama 'Company'. Di dalam group tersebut kami diminta untuk berkumpul di Blok C, 08–22 Scott Garden, Jalan Kuchai Lama;

(d) setibanya saya disana, saya telah berjumpa dengan tertuduh kelima dan kami berdua telah pergi ke unit itu tetapi kami dapati tidak ada orang di dalam rumah;

(e) kemudian, saya pergi makan bersama tertuduh kelima. Lebih kurang pukul 7 petang, kami berdua kembali ke rumah tersebut dan di dalamnya ada tertuduh ketiga dan keempat. Selepas itu, tertuduh pertama dan kedua juga telah masuk ke dalam rumah itu. Seorang lelaki Cina yang bernama Ho Chung Keat juga ada datang ke rumah itu;

(f) pada 11 Ogos 2018 lebih kurang pukul 1 pagi, Ho Chung Keat dan seorang lelaki Cina kurus telah membawa satu bagasi hijau. Saya hanya tahu lelaki Cina kurus tersebut adalah bernama Dennis Goh Zhan You selepas saya berada di Penjara Sungai Buloh dan mendapat tahu beliau telah ditangkap untuk satu kes pengedaran dadah juga. Ho Chung Keat telah membuka beg tersebut dan didalamnya terdapat beberapa paket plastik yang mengandungi bahan berwarna putih dan juga beberapa pasang kasut;

(g) saya berasa terkejut pada masa itu dan tidak bersetuju untuk membawa barang tersebut. Ho Chung Keat ada berbincang dengan Dennis tetapi Ho Chung Keat telah kata kepada kami bahawa kami tidak ada pilihan lain melainkan kami boleh menggantikan wang yang telah dibelanja;

(h) saya tidak mempunyai wang untuk menggantikan tiket penerbangan yang telah dibeli. Dennis Goh Zhan You telah memberitahu saya bahawa barang tersebut adalah ubat larangan *gym* dan hanya perlu bayar denda sahaja. Saya akhirnya hanya bersetuju kerana percaya kata-kata Dennis

bahawa barang tersebut adalah ubat gym yang tidak berbahaya. Ho Chung Keat juga ada merampas telefon bimbit saya dan tukar *lock* telefon bimbit saya supaya berada dalam keadaan tidak berkunci sebelum memberikannya balik kepada saya. Dennis telah meletakkan barang salah tersebut pada paha kiri dan kanan saya dan kemudiannya telah mengikat barang tersebut dengan plastik dan tape. Dennis telah mengarahkan saya untuk memilih kasut untuk dipakai semasa pergi ke Korea;

(i) pada lebih kurang pukul 4.15 pagi, Dennis dan Ho Chung Keat telah memanggil Grab dan Dennis telah memberi RM2,000 setiap orang untuk digunakan sebagai duit poket semasa di Korea. Selepas itu, Dennis terus keluar dari rumah tersebut;

(j) lebih kurang sepuluh minit kemudian Ho Chung Keat terus mengarahkan kami untuk turun ke bawah kerana kereta sudah sampai. Kami telah menaiki kereta Alza warna yang saya tidak pasti kerana gelap pada masa itu dan kami telah dibawa ke KLIA2. Pada pukul lebih kurang 5.15 pagi, kami telah sampai ke KLIA2 di hadapan Maybank tingkat tiga dan 'Company' telah telefon dan arahkan kami untuk menukar duit yang telah diberikan;

(k) saya telah meminta tertuduh kelima untuk membantu saya mencetak tiket penerbangan dan saya menolong tertuduh keempat untuk menukar duit. Kemudian, kami semua telah melalui semakan sekuriti. Semasa sedang melalui pintu P6, saya melihat empat orang daripada kumpulan kami telah ditahan oleh pihak polis. Pada masa itu, saya tidak tahu apa yang sedang berlaku kerana pada masa itu saya telah berada menunggu mereka di dalam pintu P6. Seorang anggota polis (ASP Mohd Zairul Haidi bin Zamsuri/SP4) kemudiannya telah datang dan memeriksa pasport saya dan menahan saya;

(l) saya kemudiannya telah dibawa ke satu kawasan untuk menunggu bersama dengan tertuduh-tertuduh yang lain. Kami kemudiannya dibawa ke satu pejabat untuk disemak oleh beberapa orang anggota polis. Selepas semakan awal ini, kami kemudiannya telah dibawa ke Pejabat Narkotik KLIA2 di mana balutan pada paha saya telah dibuka dan gambar telah diambil. Pada masa itu, terdapat beberapa orang pegawai polis yang mengendalikan barang-barang yang dijumpa. Saya telah cuba untuk terangkan kepada pihak polis bahawa barang yang dijumpai pada saya adalah sebenarnya ubat larangan *gym* sahaja;

(m) saya juga ada menunjukkan sejarah perbualan saya dengan 'Company' dalam kumpulan *WeChat* kepada pihak polis dan menerangkan kepada polis tentang peranan dua orang penama lelaki Cina bertocang (Ho Chung Keat) dan lelaki Cina kurus (Dennis Goh Zhan You);

(n) saya mempercayai kata-kata Ho Chung Keat dan Dennis Goh Zhan You

bahawa barang tersebut adalah ubat larangan *gym* yang tidak berbahaya. Saya juga berasa takut pada masa itu kerana tidak mempunyai wang untuk membayar balik kepada Ho Chung Keat dan Dennis Goh Zhan You. Pada masa itu, saya telah berada di dalam rumah mereka dan berada di bawah pemantauan mereka. Saya tidak akan membawa barang yang dijumpai sekiraya saya sedar bahawa barang tersebut adalah dadah methamphetamine;

(o) saya setuju untuk menerima tawaran kerja untuk penghantaran hadiah ke luar negara asalkan ianya bukan melibatkan dadah;

(p) bahan berwarna putih yang dibalut di paha kiri dan kanan saya dan yang disorok di dalam kasut yang saya pakai adalah ubat larangan dan bukannya dadah;

(q) tiada gangguan, ugutan atau ancaman bunuh terhadap saya dan keluarga dan tiada pistol diletakkan pada diri saya oleh Ho Chung Keat dan Dennis atau 'Company' jika saya tidak membawa barangan tersebut ke Korea. Walaupun misi penghantaran barangan ini ke Korea gagal dan setelah saya berada di dalam penjara selama enam tahun masih tiada apa-apa ancaman terhadap saya;

(r) Dennis dan Ho Chung Keat tidak naik Grab bersama-sama saya ke KLIA2. Bila sampai di KLIA, saya tidak nampak Dennis dan Ho Chung Keat. Sepanjang perjalanan ini sampai saya masuk pintu P6 ini saya memang tidak nampak Ho Chung Keat dan Dennis;

(s) kalau saya rasa terancam atau takut, atau dipaksa untuk bawa dadah saya akan membuat panggilan untuk melapor polis, tapi pada masa itu saya tidak dipaksa oleh sesiapa; dan

(t) 'the Company' atau Dennis dan Ho membertiahu saya, apa yang saya bawa hanya adalah ubat larangan. Jika saya ditangkap saya hanya akan didenda sahaja, dan 'the Company' akan membayar balik saya jika saya membayar denda itu. Saya tidak dipaksa. Oleh itu saya tidak membuat laporan polis atau panggilan.

Saksi Pembelaan Ho Chung Keat/SD9

(a) saya kini ditahan di Penjara Sungai Buloh kerana terlibat dalam satu kes dadah. Saya telah ditangkap pada Februari 2020. Sebelum saya ditangkap, saya bekerja sebagai penjual telefon bimbit di Plaza Low Yat. Sebelum saya ditahan di Penjara Sungai Buloh pada 2018 saya sedikit gemuk dan bertocang;

(b) saya kenal tertuduh-tertuduh ini dan pernah berjumpa dengan mereka. Saya pernah jumpa mereka semasa saya buat kerja sambilan saya di Scott Garden, Jalan Klang Lama;

(c) saya berkenalan dengan seorang kawan yang dipanggil Ah Ming melalui kawan lain. Memandangkan saya memerlukan duit, Ah Ming telah menawarkan satu peluang pekerjaan sambilan kepada saya. Ah Ming minta saya berhubung dengan seorang bernama Dennis melalui aplikasi *WeChat*. Ah Ming memberitahu saya bahawa kerja sambilan ini adalah untuk membantu pekerjanya bernama Dennis menguruskan macam-macam kerja (*miscellaneous jobs*);

(d) selepas itu, saya telah berhubung dengan Dennis melalui aplikasi *WeChat*. Dennis telah mengajak saya untuk berjumpa di Scott Garden pada 9 Ogos 2018 lebih kurang pukul 1.30 petang. Sampai di situ, Dennis telah memberikan kunci unit C-08–22 kepada saya dan mengarahkan saya untuk tunggu enam orang pekerja barunya datang ke unit tersebut. Dennis juga telah mengarahkan saya untuk membelikan makanan dan sedikit keperluan harian dalam unit tersebut;

(e) Dennis adalah seorang lelaki Cina yang kurus, rendah dan berkulit cerah. Nama penuh dia adalah Dennis Goh Zhan You (No K/P: 981003–01–6579). Setahu saya, dia telah ditangkap untuk kes mengedar dadah sekitar Mei 2019;

(f) saya telah menunggu sehingga mereka sampai. Mereka telah sampai berasingan bermula dari 1.30 petang. Setelah saya tunggu kesemua mereka sampai, saya telah memberitahu mereka bahawa bos, iaitu Dennis akan datang jumpa mereka pada hari keesokan untuk memberikan maklumat lanjut berkenaan kerja sambilan mereka. Lebih kurang pukul 2 pagi (10 Ogos 2018) saya pun beredar dan pulang ke rumah saya sendiri;

(g) pada 11 Ogos 2018 lebih kurang pukul 12 pagi, saya telah terima mesej *WeChat* daripada Dennis untuk berjumpa dengannya sekali lagi di Scott Garden. Semasa saya sampai di lobi Blok C di Scott Garden, saya mendapati Dennis telah membawa satu beg beroda hijau bersamanya. Kami berdua kemudiannya telah naik ke unit C-08–22 untuk berjumpa dengan tertuduh-tertuduh;

(h) apabila kami sampai di situ, kesemua tertuduh berada di dalam unit C-08–22. Dennis telah buat *briefing* dan memberitahu mereka bahawa kerja mereka adalah untuk membawa barang ke Korea Selatan. Kemudiannya Dennis telah mengarahkan saya membuka beg beroda tersebut. Saya mendapati bahawanya terdapat beberapa paket plastik lutsinar, beberapa pasang seluar jeans dan kasut dalam beg beroda tersebut. Seingat saya, kasut-kasut tersebut adalah warna hitam putih. Saya ditugaskan oleh Dennis untuk tolong membalut paket-paket plastik lutsinar atas paha tertuduh pertama, kedua dan keempat;

(i) sebelum balutan ini dibuat, Dennis telah menyuruh tertuduh pertama, kedua dan keempat mereka membuka seluar supaya dia dan saya dapat

membalut paket-paket lutsinar tersebut atas paha mereka dengan menggunakan pita kertas. Dennis juga suruh mereka memakai kasut-kasut yang dibawa oleh Dennis. Setahu saya, kasut-kasut tersebut telah dijahit dengan paket-pakat plastik yang sama;

(j) saya tidak tahu apakah isi kandungan di dalam paket-paket tersebut kerana ianya sudah pun berbalut. Tetapi Dennis memberitahu tertuduh-tertuduh lain bahawa kesemua itu adalah ubat *gym* yang dikatakan boleh meningkatkan prestasi kesukanan seseorang. Oleh kerana ubat ini adalah dilarang di Korea Selatan, jadi perlu dibawa secara rahsia oleh tertuduh pertama, kedua, ketiga, keempat, kelima dan keenam;

(k) setelah mendengar taklimat tersebut, tertuduh-tertuduh ada bertanya kepada Dennis dan saya apa terkandung di dalam paket-paket plastik tersebut dan kenapa perlu dilekat di paha dan disimpan secara rahsia dalam kasut-kasut tersebut. Dennis dan saya juga memberitahu mereka bahawa mereka perlu membayar balik kos tiket penerbangan jika mereka enggan teruskan dengan kerja ini. Memandangkan mereka tiada duit maka mereka akhirnya telah bersetuju teruskan dengan kerja ini;

(l) walau bagaimanapun, Dennis telah secara berulangan memberitahu mereka bahawa paket-paket semua ini adalah ubat *gym* yang dilarang di Korea Selatan. Dennis menyakinkan mereka semua bahawa paket-paket itu bukan dadah berbahaya dan jika mereka ditangkap oleh pihak penguat kuasa, mereka hanya akan dikenakan hukuman denda sahaja;

(m) pada lebih kurang pukul 3 pagi (11 Ogos 2018) paket-paket tersebut telah siap dilekatkan pada paha tertuduh-tertuduh. Dennis mengarahkan saya membuat tempahan Grab untuk kesemua mereka ke Lapangan Terbang Antarabangsa Malaysia 2 (KLIA2) bagi penerbangan ke Korea Selatan. Kereta Grab telah sampai pada pukul 4 pagi. Sebelum naik kereta, Dennis telah memberi kepada kesemua setiap orang tertuduh RM2,000 sebagai duit perbelanjaan di Korea Selatan;

(n) saya tidak pergi KLIA2. Saya ada dijanjikan upah wang tunai sebanyak RM1,000 tetapi saya tidak menerimanya sehingga ke hari ini;

(o) saya tahu berkenaan tangkapan tertuduh pertama sehingga tertuduh keenam sebab saya terbaca dalam surat khabar dan *Facebook*. Saya cuba hubungi Dennis tetapi tidak dapat;

(p) saya tidak berani membuat laporan polis selepas tertuduh-tertuduh ini ditangkap kerana saya baca dan mengetahui daripada surat khabar bahawa balutan plastik-plastik pada paha dan kasut tertuduh-tertuduh mengandungi dadah; dan

(q) setelah saya ditangkap pada Februari 2020, saya telah ditahan di Penjara Sungai Buloh pada bulan March 2018. Saya dicamkan oleh salah seorang

tertuduh di dalam kes ini semasa di Penjara Sungai Buloh. Mereka meminta bantuan saya untuk memberi keterangan sebagai saksi di dalam kes ini terhadap kesemua tertuduh dan bukan untuk membantu mereka. Tujuan saya hadir ke mahkamah hanyalah untuk memberitahu apa yang saya tahu di dalam kes ini.

DAPATAN MAHKAMAH TINGGI DI AKHIR KES PEMBELAAN

[43] Pesuruhjaya kehakiman yang bijaksana di dalam alasan penghakimannya di akhir kes pembelaan di antara lainnya memutuskan seperti yang berikut dan kami petik:

KES PEMBELAAN

[36] Setiap tertuduh telah memberikan keterangan secara bersumpah. Mereka juga telah memanggil seorang saksi pembelaan iaitu Ho Chung Keat (SP9) manakala tertuduh kelima dan keenam telah memanggil seorang Jurubahasa Mandarin (SD7) dan Pegawai Forensik PDRM (SD8) berkaitan pemeriksaan terhadap telefon bimbit tertuduh-tertuduh yang dirampas. Keterangan saksi-saksi pembelaan secara terperinci adalah seperti yang telah direkodkan oleh mahkamah ini. Saya nyatakan ringkasan kepada pembelaan mereka.

[37] Keterangan tertuduh pertama hingga keenam adalah lebih kurang sama. Mereka menyatakan bahawa terdapat tawaran kerja sambilan untuk menghantar barang/hadiah ke Korea daripada 'bos' yang dipanggil The Company. Kerana perlukan wang mereka bersetuju dan telah dimasukkan ke dalam kumpulan perbualan di aplikasi *WeChat*. Mereka juga telah menghantar butiran peribadi untuk tujuan membeli tiket penerbangan. Mereka juga telah diarahkan oleh The Company untuk ke sebuah bangunan bernama Scott Garden di Jalan Klang Lama. Di Scott Garden mereka telah bertemu dengan seorang lelaki Cina gemuk bertocang yang dipanggil Abang/Tocang/Lenchai/Taiko/Ooi dan seorang lagi lelaki kurus bernama Denis/Lenchai. Di Scott Garden, paket-paket plastik lutsinar telah dibalut di paha mereka dan mereka juga diarahkan untuk memakai kasut yang berisi paket-paket lutsinar yang sama. Mereka juga diberikan wang sebanyak RM2000. Mereka ada bertanya tentang paket-paket plastik tersebut tetapi telah diyakinkan bahawa ia bukan dadah berbahaya tetapi ubat *gym*/clenbuterol yang dilarang di Korea Selatan dan hanya akan dikenakan denda jika paket-paket tersebut dijumpai oleh pihak berkuasa. Apabila mereka ragu atau enggan, lelaki gemuk bertocang dan lelaki kurus telah mengugut agar mereka membayar balik kos tiket penerbangan. Oleh kerana tiada wang dan juga takut dipukul, mereka telah meneruskan pekerjaan tersebut sehingga mereka ditangkap.

[38] Apabila ditanya oleh polis mereka menyatakan bahawa paket-paket lutsinar itu adalah ubat gym dan oleh kerana ia adalah ubat larangan, maka ia telah disorokkan. Mereka juga menyatakan bahawa telefon bimbit mereka telah dirampas dan di dalam telefon bimbit itu terdapat perbualan *WeChat* dalam Bahasa Cina yang juga telah dimaklumkan kepada polis. Mereka menyatakan semasa ditahan reman di Penjara Sungai Buloh, pada sekitar Mac 2020, telah terserempak dengan lelaki Cina gemuk bertocang itu yang telah ditangkap atas kesalahan mengedar dadah berbahaya. Pada waktu itu barulah mereka mengetahui bahawa nama lelaki gemuk

bertocang itu ialah Ho Chung Keat (SD9). Mereka juga mengatakan lelaki kurus itu telah diketahui namanya sebagai Dennis Goh Zhan You.

[39] Bagi tertuduh pertama hingga keempat, ini adalah perjalanan pertama mereka menghantar barang/hadiah ke Korea manakala bagi tertuduh kelima ini adalah perjalanan keduanya. Bagi tertuduh keenam pula ini adalah perjalanannya yang ketiga untuk menghantar barang/hadiah bagi pihak *the company*.

[40] SD9 telah memberikan keterangannya dengan mengatakan bahawa pada 11 Ogos 2018, dia telah ke Scott Garden dan melihat Dennis memberi 'briefing' dan memberitahu kesemua tertuduh bahawa kerja mereka adalah untuk membawa barang ke Korea Selatan. Dia kemudiannya telah membalut paket-paket plastik lutsinar di paha tertuduh pertama, kedua dan keempat. Dia mengatakan bahawa dia tidak tahu apa isi kandungan paket-paket plastik itu tetapi Dennis telah memberitahu kesemua tertuduh bahawa ia adalah ubat *gym* yang dikatakan boleh meningkatkan prestasi kesukanan seseorang. la dibawa secara rahsia kerana ia dilarang di Korea Selatan. SD9 juga mengatakan bahawa dia telah ditangkap pada Februari 2020 dan ditahan di Penjara Sg Buloh dan semasa di situ, dia telah mengecamkan salah seorang tertuduh dan bersetuju untuk memberikan bantuan dalam kes ini.

[41] Tertuduh kelima dan keenam juga telah mengemukakan siaran iklan di *Facebook* yang menawarkan pelancongan percuma/penghantaran barang yang mengatakan bahawa barang yang dihantar itu bukan dadah. Terdapat juga komunikasi di *Facebook* antara tertuduh kelima dengan The Company berkenaan kerja yang ditawarkan. Pihak pembelaan juga telah menghujahkan bahawa 'Notis *Alcontara*' telah diberikan untuk menunjukkan bahawa pembelaan mereka adalah tulen dan bukan rekaan.

SAMA ADA PIHAK PENDAKWAAN TELAH BERJAYA MEMBUKTIKAN KES MELAMPAUI KERAGUAN MUNASABAH

[43] Saya telah meneliti pembelaan yang telah dikemukakan oleh setiap tertuduh. Saya mendapati keterangan pembelaan yang dikemukakan gagal untuk menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah. Saya enggan untuk mempercayai keterangan tertuduh-tertuduh bahawa mereka tidak mengetahui paket-paket lutsinar itu adalah dadah berbahaya tetapi hanyalah ubat *gym* yang dilarang dibawa ke Korea. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, cara bagaimana paket-paket dadah itu disorok dengan dibalut ketat di kedua belah paha serta disorokkan di bawah pelapik kasut mereka bagi mengelakkan ia dikesan oleh pihak berkuasa di Malaysia menunjukkan bahawa setiap dari tertuduh tahu bahawa mereka sedang membawa dadah berbahaya. Jika benar setiap tertuduh percaya bahawa mereka membawa ubat gym dan akan hanya berhadapan dengan hukuman denda, tiada keperluan untuk mereka bertindak untuk menyorokkan dadah-dadah tersebut sedemikian rupa.

[44] Apatah lagi keterangan bersumpah setiap tertuduh sendiri mengatakan mereka nampak plastik-plastik lutisinar tersebut semasa berada di Scott Garden yang menyebabkan ada antara mereka yang berasa ragu-ragu atau takut dan ingin pulang ke rumah. Ada juga yang berasa terkejut dan tidak bersetuju untuk menghantar barang tersebut. Namun demikian, keterangan menunjukkan, mereka telah

meneruskan dengan penghantaran barangan tersebut atas alasan kononnya tiada duit untuk membayar balik kos tiket kapal terbang dan juga takut akan dipukul. Harus diingat, keterangan mereka sendiri menyatakan bahawa lelaki Cina gemuk bertocang dan lelaki kurus tidak mengikut mereka ke lapangan terbang tetapi mereka berenam telah ke lapangan terbang secara sendiri dengan menaiki van grab. Mereka berenam telah melalui perjalanan dari Scott Garden ke lapangan terbang banyak peluang untuk mereka melepaskan diri dari situasi tersebut jika mereka mahu. Apatah lagi lapangan terbang adalah satu tempat awam yang mudah untuk mereka mendapatkan bantuan. Namun begitu tiada seorang pun dari mereka yang cuba menyelamatkan diri. Alasan bahawa mereka tiada duit untuk membayar kos tiket kapal terbang dan alasan bahawa mereka takut dipukul adalah alasan remeh berbanding risiko yang akan mereka hadapi akibat membawa barang yang dilarang undang-undang. Mereka telah memilih untuk meneruskan dengan kerja menghantar barang terlarang untuk mendapatkan upah yang dijanjikan. Keterangan mereka sendiri mengatakan mereka telah diberikan wang sebanyak RM2,000 sebagai wang belanja. Perbuatan setiap tertuduh adalah dengan sengaja dan rela (*intentionally and willingly*) membenarkan dirinya dibalut dengan paket-paket plastik lutsinar tersebut menunjukkan setiap tertuduh tahu bahawa apa yang mereka bawa adalah dadah berbahaya. Setiap mereka juga memakai kasut yang sesuai dengan saiz kaki mereka dimana di dalamnya telah disorok paket-paket plastik berisi dadah. Fakta-fakta ini menunjukkan persediaan setiap tertuduh untuk meneruskan misi membawa dadah berbahaya tersebut ke Korea.

[45] Mahkamah juga telah meneliti pembelaan tertuduh-tertuduh yang mengatakan bahawa notis *Alcontara* telah diberikan dengan sempurna sejak awal lagi iaitu semasa kes ini disiasat. Namun demikian keterangan daripada pegawai penyiasat (SP6) adalah sebaliknya. Keterangan beliau semasa diperiksa balas oleh peguambela tertuduh pertama adalah seperti berikut:

> S: Saya cadang Ho Chung Keat Keat lelaki gemuk bertocang ini juga telah diberitahu kepada Insp dalam rakaman percakapan OKT1?
>
> J: Tidak setuju.
>
> S: Bacakan jawapan?
>
> J: Siapa balut bungkusan dadah di paha kamu, lelaki Cina gemuk yang saya panggil abang.
>
> S: M/s 2 para 3, barisan 14, bermula tocang panggil abang. Setuju lelaki gemuk ini bertocang ini telah timbul dalam rakaman percakapan OKT1?
>
> J: Setuju.
>
> S: Lelaki gemuk bertocang dalam rakaman pemeriksaan ini adalah bernama Ho Chung Keat?
>
> J: Tidak setuju

[46] Saya juga telah meneliti rakaman percakapan tertuduh pertama hingga kelima (D133, D120, D121, D122 dan D118). Namun begitu saya mendapati tiada nama Ho Chung Keat atau Dennis Goh Zhan You disebut di dalam rakaman percakapan tersebut. Rakaman percakapan mereka kepada pihak polis langsung tidak

menyebut berkenaan ubat gym. Memang benar ada disebut 'lelaki Cina gemuk bertocang' tetapi setiap tertuduh mempunyai panggilan berbeza terhadap lelaki ini. Tertuduh pertama memanggilnya abang, tertuduh kedua memanggilnya 'tocang', tertuduh ketiga memanggilnya Lenchai, tertuduh keempat pula memanggilnya taiko manakala tertuduh kelima memanggilnya Ooi. Siapakah sebenarnya lelaki Cina gemuk bertocang ini? Nama Ho Chung Keat hanya timbul pada masa perbicaraan dan tidak pernah timbul semasa siasatan. la konsisten dengan keterangan SP6 yang menafikan ada dimaklumkan nama Ho Chung Keat semasa kes ini disiasat. Melalui keterangan tertuduh-tertuduh sendiri, mereka bertemu SD9 di Penjara Sungai Buloh dan hanya mengetahui namanya adalah Ho Chung Keat. Justeru, tidak mungkin SP6 mahupun SP3 telah dimaklumkan penama Ho Chung Keat dan Dennis Goh Zhan You pada masa tangkapan dan siasatan. Oleh itu saya mendapati tidak terdapat notis yang sempurna yang memberikan butiran lengkap nama lelaki Cina gemuk bertocang dan lelaki kurus, telah diberikan oleh tertuduh-tertuduh kepada pegawai penyiasat agar siasatan dapat dijalankan. Saya merujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan *Alcontara Ambross Anthony v Public Prosecutor*.

[47] Disamping itu, jika pun notis tersebut diberikan dengan sempurna dan siasatan telah dijalankan, ia tidak akan menangkis fakta yang telah dibuktikan bahawa setiap tertuduh telah dibalut di kedua belah pahanya dengan dadah berbahaya dan terdapat juga dadah di bawah pelapik kasut setiap dari mereka, yang menunjukkan bahawa setiap tertuduh mempunyai milikan dan pengetahuan bahawa mereka membawa dadah. Keterangan SP6 tidak menafikan berkenaan wujudnya pihak yang dinamakan 'the company' yang menawarkan upah bagi penghantaran barang ke Korea Selatan. Nama 'the company' telah ditimbulkan sejak awal-awal lagi semasa penyiasatan dijalankan. SP6 dan SP3 juga tidak menafikan mereka telah dimaklumkan berkenaan kumpulan *WeChat* dengan *the company* yang terdapat di dalam telefon bimbit tertuduh-tertuduh. Sungguh pun demikian, saya mendapati fakta ini tidak boleh menangkis bahawa dadah-dadah tersebut berada dalam milikan setiap tertuduh dan mereka mempunyai pengetahuan berkenaan dadah-dadah itu. Ini adalah kerana maksud 'milikan' yang mempunyai unsur actus reus dan mens rea di bawah undang-undang, adalah berbeza dengan maksud umum pemilikan (*ownership*). Walau pun dadah tersebut bukan dipunyai oleh setiap tertuduh, keterangan yang banyak menunjukkan bahawa setiap dari mereka mempunyai 'milikan' dan 'pengetahuan' berkenaan dadah berbahaya tersebut.

[48] Tertuduh-tertuduh telah memanggil SD9 yang memberikan keterangan menyokong keterangan mereka bahawa tertuduh-tertuduh telah diberitahu bahan yang dibalut dipaha dan di bawah pelapik kasut mereka adalah ubat gym. Saya mendapati keterangan SD9 tidak dapat membantu kes pembelaan. Seperti yang dipersoalkan oleh saya sebelum ini, siapakah sebenarnya lelaki Cina gemuk bertocang itu? Untuk dia dipanggil gemuk dan bertocang tentulah jelas kegemukan dan tocang lelaki tersebut. Namun begitu, dilihat dengan mata kasar, SD9 yang hadir ke mahkamah tidak gemuk dan tidak bertocang. SD9 mengatakan bahawa sebelum dia ditangkap, dia berbadan gemuk dan juga bertocang. Peguam tertuduh pertama telah mengemukakan gambar-gambar SD9 sebelum dia ditangkap. Ini dapat dilihat di eksh IDD125(1) hingga (6). Selain dari IDD125(1) hingga (6) tidak dibuktikan dengan pemanggilan pembuatnya, setelah saya melihat gambar

tersebut, ia tidak menunjukkan bahawa SD9 adalah seorang gemuk manakala gambar (6) yang dikatakan adalah gambar yang menunjukkan SD9 bertocang juga tidak dapat membantu dakwaan tertuduh-tertuduh kerana gambar tersebut diambil dari belakang dan saya tidak dapat melihat 'tocang' yang dikatakan itu.

[49] Peguam tertuduh kelima juga mengemukakan perbualan tertuduh kelima dengan *the company* di aplikasi *Facebook*. la adalah di eksh IDD114 (A) dan IDD114 (B) (terjemahan). Disamping itu tertuduh kelima telah memanggil SD7 Puan Liew Wai Yee iaitu seorang jurubahasa Mandarin yang telah menterjemahkan perbualan dan iklan diaplikasi *Facebook* itu. Saya telah meneliti terjemahan tersebut dan mendapati ia tidak dapat membantu kes pembelaan bagi menimbulkan keraguan terhadap pembuktian elemen 'pengetahuan' terhadap dadah yang dibawanya. Dokumen tersebut hanya mengesahkan kewujudan *the company* dan tawaran pekerjaan yang diberikan. IDD115 (A) dan IDD115 (B) (terjemahan) iaitu iklan pekerjaan tersebut menyatakan seperti berikut:

> Pelancongan Ke luar negara secara percuma! Semestinya pekerjaan haram.
>
> Kalah perjudian, berhutang, kesempitan wang, Berhubung dengan saya!
>
> Ke luar negara selama 3 hari 2 malam, makanan dan tempat tinggal ditanggung.
>
> Nota: Pasti bukan dadah tolong jangan bersenda.
>
> Saya mendapati iklan ini bertarikh pada 11, 12 dan 13 November 2018 iaitu 3 bulan selepas Tertuduh Kelima ditangkap. Justeru, persoalan timbul adakah ini iklan yang dilihat oleh Tertuduh Kelima? Disamping itu seseorang yang munasabah yang membaca iklan-iklan itu pasti akan timbul rasa curiga dan tidak terus mempercayainya memandangkan selain dari perkataan '... pasti bukan dadah ...' terdapat juga perkataan 'semestinya pekerjaan haram'. Iklan itu juga menyeru orang yang kalah judi, berhutang dan berada dalam kesempitan wang untuk menyertai mereka. Bukankah perkataan-perkataan sebegini akan menimbulkan rasa curiga?

[50] Peguam pihak pembelaan juga menghujahkan bahawa tertuduh-tertuduh kelihatan tenang dan tidak cuba untuk melarikan diri semasa ditangkap. Menurut mereka ia konsisten dengan ketidakbersalahan mereka bahawa meraka tidak tahu paket-paket plastik itu berisi dadah. Saya mendapati tingkah laku tertuduh-tertuduh tidak dapat membantu kes mereka. Ini adalah kerana adalah menjadi kes mereka sendiri bahawa setiap tertuduh tahu bahawa mereka membawa bahan yang menyalahi undang-undang dan akan dikenakan denda apabila ditangkap. Justeru, dengan menggunakan logik mereka sendiri, walau pun mereka tahu mereka membawa barangan menyalahi undang-undang, fakta menunjukkan bahawa tertuduh-tertuduh masih kelihatan tenang walau pun telah ditangkap oleh pihak polis. Justeru, tingkah laku mereka yang tenang bukan kayu pengukur untuk membuktikan mereka tidak bersalah.

[51] Di akhir kes pembelan, setelah membuat penilaian maksima, mahkamah mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah bahawa setiap tertuduh memiliki dan mengetahui bahawa setiap dari mereka sedang memiliki dadah berbahaya jenis methamphetamine. Mahkamah telah mendapati setiap tertuduh telah dianggap mengedar dadah berbahaya

tersebut berdasarkan berat dadah methamphetamine yang melebihi berat statutori 50g seperti peruntukan s 37(da) ADB. Mahkamah juga mendapati pembelaan telah gagal menimbulkan keraguan munasabah di dalam kes pendakwaan dan mematahkan pengoperasian anggapan tersebut. Justeru setiap tertuduh disabitkan bersalah atas pertuduhan yang dihadapi oleh mereka.

PRINSIP UNDANG-UNDANG BERKAITAN DAPATAN FAKTA DI PERINGKAT RAYUAN

[44] Secara prinsipnya, mahkamah di peringkat rayuan jarang sekali campurtangan atau mengganggu dapatan fakta yang dibuat hakim perbicaraan melainkan terdapat alasan-alasan yang kukuh dan mendesak untuk berbuat demikian.

[45] Di dalam kes *Herchun Singh & Ors v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 209; [1969] MLRA 382, Ong Hock Thye CJ (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

> An appellate court should be slow in disturbing such finding of fact arrived at by the judge, who had the advantage of seeing and hearing the witness, unless there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding.

[46] Di dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2005] 2 MLRA 590, Mahkamah Persekutuan memutuskan seperti berikut:

> Now, it settled law that it is no part of the function of an appellate court in a criminal case — or indeed any case — to make its own findings of fact. That is a function exclusively reserved by the law to the trial court. The reason is obvious. An appellate court is necessarily fettered because it lacks the audio-visual advantage enjoyed by the trial court.

ISU-ISU DI PERINGKAT RAYUAN

(a) sama ada terdapat ketiadaan pengetahuan tertuduh-tertuduh terhadap dadah yang dijumpai;

(b) sama ada terdapat ketiadaan pengetahuan tertuduh-tertuduh tentang sifat sebenar dadah yang dibawa;

(c) sama ada wujud pembelaan pembawa tidak bersalah (*innocent carrier*);

(d) sama ada wujud ugutan (*duress*);

(e) sama ada notis *Alcontara* telah diberikan dengan sempurna; dan

(f) sama ada pertimbangan sewajarnya telah diberikan terhadap keterangan SD9.

A DAPATAN KAMI

[47] Sebelum kami mengupas serta mengulas isu-isu utama di atas, kami ingin menyatakan bawa kesemua peguam yang mewakili tertuduh-tertuduh telah menyatakan pendirian mereka bahawa mereka tidak mempertikaikan isu mengenai kawalan atau jagaan tertuduh-tertuduh terhadap dadah-dadah yang dijumpai dan dirampas daripada keenam-enam tertuduh ini sehingga menyebabkan anggapan di bawah s 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 bagi membuktikan inti pati pengedaran dadah beroperasi.

[48] Di dalam kes ini tiada keraguan bahawa dadah-dadah tersebut telah disorokkan melalui cara dibalut pada kedua-dua paha kiri dan kanan setiap seorang tertuduh dengan menggunakan pita pelekat dan juga disembunyikan di bawah pelapik kedua-dua kasut yang dipakai oleh kesemua tertuduh jelas membuktikan bahawa dadah tersebut berada di bawah kawalan dan jagaan setiap seorang daripada mereka. Keadaan paket-paket plastik pada diri tertuduh-tertuduh semasa mereka ditangkap boleh dilihat melalui gambar-gambar yang dikemukakan iaitu P44(1–5) hingga P49(1) hingga (5).

[49] Memandangkan dadah methamphetamine yang dibawa oleh tertuduh-tertuduh melebihi berat 50g, maka mereka dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya, telah mengedar dadah berbahaya tersebut.

Sama ada wujud pembelaan ugutan (duress)

[50] Tertuduh-tertuduh membangkitkan pembelaan bahawa mereka terpaksa membawa barang-barang tersebut ekoran wujudnya ugutan ke atas diri mereka iaitu satu pembelaan di bawah s 94 Kanun Keseksaan.

[51] Seksyen 94 Kanun Keseksaan memperuntukkan seperti yang berikut:

> 94 Act to which a person is compelled by threats:
>
> Except murder, offences included in Chapter VI punishable with death and of offences included in Chapter VIA, nothing is an offence which is done by a person who is compelled to do it by threats, which, at the time of doing it, reasonably cause the apprehension that instant death to that person will otherwise be the consequence:
>
> Provided that the person doing the act did not of his own accord, or from a reasonable apprehension of harm to himself short of instant death, place himself in the situation by which he became subject to such constraint.
>
> Explanation 1 — A person who, of his own accord, or by reason of a threat of being beaten, joins gang-robbers knowing their character, is not entitled to the benefit of this exception on the ground of his having been compelled by his associates to do anything that is an offence by law.

Explanation 2 — A person seized by gang-robbers, and forced by threat of instant death to do a thing which is an offence by law — for example, a smith compelled to take his tools and to force the door of a house for the gang-robbers to enter and plunder it — is entitled to the benefit of this exception.

[52] Undang-undang adalah mantap bahawa beban pembuktian pembelaan ugutan (*duress*) adalah di atas imbangan kebarangkalian. Perlu ditekankan bahawa terdapat beberapa syarat yang perlu dipenuhi oleh tertuduh-tertuduh sebelum s 94 Kanun Keseksaan ini boleh diguna pakai. Antara elemen penting yang perlu dipenuhi ialah bahawa ugutan tersebut memberi kesan kematian dengan serta merta di mana ugutan ini hendaklah bersifat *imminent, persistent and extreme at the time of the commission of the offence.*

[53] Di dalam kes *Chu Tak Fai v Public Prosecutor* [1998] 4 MLJ 246; [1998] 4 CLJ 789, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Denis Ong HMR (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti yang berikut:

Turning to this part of the judgment of the trial court, it was obvious to us that here the trial court was considering the plea of duress on the balance of probabilities although not convinced of its truth previously. It was settled law since *Tan Seng Ann v Public Prosecutor* [1949] 1 MLJ 87 that a plea of duress under s 94 of the Penal Code (FMS Cap 45) to be successful, must be imminent, extreme and persistent at the time of the commission of the offence. The question which concerned the trial court here was whether the appellant might have acted under duress which was imminent, extreme and persistent when he committed the offence on 30 April 1993 at the immigration control post at Bukit Kayu Hitam. The matter crucial to the entire issue of duress was whether Ah Meng's threats of instant death previously uttered to the appellant had caused him reasonable apprehension of instant death if he failed to commit the offence at Bukit Kayu Hitam. In that regard it followed that the threats and their effect on the mind and actions of the appellant had to be considered in the light of the facts and surrounding circumstances at the material time of the commission of the offence. That was what the trial court had done. We reviewed this part of the judgment of the trial court and we were satisfied that there was no misdirection.

[54] Di dalam kes *Mohammad Ghavipanjehjo Ali (W/N: Iran) v Pendakwa Raya* [2017] MLJU 143; [2017] 1 LNS 114, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Abdul Karim Abdul Jalil HMR (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti yang berikut:

[22] Perayu dalam pembelaannya mengatakan bahawa dia telah dipaksa untuk menelan dan membawa dadah tersebut ke Malaysia kerana ugutan bunuh ke atas keluarga dan tunangnya oleh Hussein dan Mehdi (semasa di Tehran). Kami juga dapati pembelaan ini merupakan dalihan kosong (*hollow*) dan tidak munasabah dalam keadaan kes ini. Undang-undang kini mantap bahawa bagi pembelaan ugutan (*duress*) di bawah s 94 Kanun Keseksaan, perayu hendaklah membuktikan,

atas imbangan kebarangkalian, bahawa ugutan itu mestilah pasti akan berlaku, ekstrem, dan berterusan (*imminent, extreme and persistent*) pada masa kesalahan dilakukan — rujuk *Tan Seng Ann v Public Prosecutor* [1949] 1 MLJ 87; [1948] 1 LNS 67.

Seterusnya dalam kes *Chu Tuck Fai* [1998] 4 MLJ 246 diputuskan hak perayu untuk mengemukakan pembelaan ini akan hilang jika perayu telah gagal untuk mengambil apa-apa langkah untuk menghilangkan ugutan tersebut seperti meminta perlindungan polis dalam kes *Chu Tuck Fai* berkenaan. Di sini, perayu semasa diperiksa balas bersetuju bahawa sepanjang penerbangan ke Malaysia dia tidak berasa takut dan tidak diugut. Perayu juga tidak memaklumkan mana-mana pihak berkuasa sama ada di Tehran, dalam pesawat atau semasa diperiksa oleh SP2 bahawa dia diugut seperti mana yang didakwa. Perayu juga mengakui dia tidak juga memaklumkan hal tersebut kepada keluarga. Alasannya, sekadar tidak mempunyai masa dan tidak berkesempatan berbuat sedemikian. Pada hal keterangan menunjukkan perayu mempunyai kesempatan yang luas untuk mengambil tindakan tersebut jika dia sebenarnya diugut. Kami dapati kehendak s 94 Kanun Keseksaan seperti mana dijelaskan dalam kes *Tan Seng Ang v Public Prosecutor*, tidak dibuktikan. Pada hemat kami, pembelaan ugutan itu jelas tidak bermerit dan sengaja diada-adakan.

[55] Di dalam kes *Babar Ali (W/N Pakistan) v Public Prosecutor* [2020] MLJU 80; [2020] 1 LNS 10, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Rhodzariah Bujang HMR (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti yang berikut:

[11] The law on the application of this section has been settled since way back in 1949 when it was decided in *Tan Seng Ann v Public Prosecutor* [1949] 1 MLJ 87 that in order to succeed as a defence, the duress must be imminent, extreme and persistent at the time of the commission of the offence and this must be proven on a balance of probability. The learned deputy public prosecutor (DPP) has quoted two of this court's decision in *Chu Tak Fai v Public Prosecutor* [1998] 4 MLJ 246 and *Mohammad Ghavipanjehjo Ali (W/N: Iran) v Pendakwa Raya* [2017] MLJU 143; [2017] 1 LNS 114 where the same defence was raised by the respective appellants in the cited cases who were also drug traffickers but unsuccessfully, as well.

[14] ... Notably too, even though the appellant in his examination-in-chief said he mentioned about Shifaq and the two other persons waiting for him outside KLIA when he was arrested, this fact was not put to PW3 and PW6, especially PW3. This would have been the most logical thing to do given his defence that the trolley bag with the drugs was meant for Shifaq and that his own two bags were with them. Further, there is inconsistency in this particular aspect of his evidence because in his cross-examination at p 110 of Vol 2B of the appeal record, he said he did not tell the police about Syifaq and two others waiting outside because Syifaq had warned him not to do so. Although in re-examination he reiterated that he told the police about Rashid and Shifaq at the Narcotic Office after his arrest, this inconsistency in his evidence was not explained to the court. In addition, the reason given by the appellant for putting the drugs on his legs which is that it was as instructed by

Rashid, is simply improbable because Rashid was thousands of kilometers away and not there to see if his so-called command was followed.

Therefore, there is just no logic in complying with such an instruction even though the appellant said he was scared because his brother was killed in Lahore but he never said this death was in any way connected with Rashid and the drugs he was carrying. (See his evidence at p 105 of the appeal record Vol 2B.) That statement of the appellant, in our view, was just a ruse to hide the actual fact that he did the said act simply to avoid detection by the authorities. The sheer improbability of the defence is also evidenced by the fact that the drugs, as we had mentioned earlier, was not just tied with strings on the appellant's legs but also held in place by the compression calf sleeves. This clearly shows that the appellant had done so with prior planning and not on the spur of the moment as raised by him in his defence because obviously the two items we had underlined above could not have been found lying around at KLIA. The prosecution evidence on the existence of these two items from the testimony of PW3 and PW7 as corroborated by the photographic evidence we had mentioned earlier is definitely credible for we see no reason why PW3 and PW7 would want to fabricate their evidence on the existence of these items at all.

[56] Berbalik kepada pembelaan ugutan yang dibangkitkan, tertuduh-tertuduh mendakwa bahawa mereka meneruskan dengan penghantaran dadah tersebut atas alasan kononnya tiada duit untuk bayar semula kos tiket penerbangan dan juga takut akan dipukul.

[57] Pada hemat kami, alasan yang diberikan ini terlalu remeh dan tidak bermerit sama sekali. Pada hakikatnya mereka sebenarnya memilih untuk meneruskan kerja menghantar dadah-dadah ini bukan atas alasan timbulnya ugutan tetapi lebih kepada teruja di atas ganjaran wang lumayan yang dijanjikan dan yang bakal mereka terima sepenuhnya nanti jika misi penghantaran dadah ini berjaya dilaksanakan dengan jayanya. Bagi menguatkan keyakinan mereka, wang permulaan sebanyak RM2,000 telah diberikan dan diterima oleh mereka sebagai wang perbelanjaan di Korea Selatan. Baki bayaran selebihnya di antara RM3,500 sehingga RM10,000 yang bakal diterima kelak sekembalinya mereka ke Malaysia sudah cukup untuk menambatkan hati mereka dan melenyapkan segala rekaan pembelaan ugutan yang tidak berasas ini.

[58] Tertuduh-tertuduh juga bersetuju dengan timbalan pendakwa raya yang bijaksana bahawa lelaki Cina gemuk bertocang dan lelaki Cina kurus tidak pun mengikut mereka ke KLIA2 dan mereka pergi ke lapangan terbang secara sendiri dengan menaiki kereta Grab.

[59] Setibanya mereka di KLIA2 pula, mereka mempunyai banyak peluang keemasan untuk menyelamatkan diri dengan meminta bantuan orang ramai yang berada di situ atau melaporkan kepada pihak polis di KLIA2 atau keluarga

mereka sekiranya benar mereka telah menerima ugutan sedemikian rupa. Malangnya ini tidak dilakukan. Disebaliknya pula bila tiba di KLIA2 mereka berkesempatan untuk menukar wang poket ke mata wang Korea, membuat daftar masuk (*check-in*) dan selepas itu ada juga di antara mereka yang bersempatan pula untuk bersarapan pagi di McDonalds di KLIA2 meskipun mereka dikatakan berada di dalam suasana 'ketakutan' seperti dakwaan mereka.

[60] Mengikut keterangan tertuduh keenam pula tiada gangguan, ugutan atau ancaman bunuh terhadap dirinya dan keluarga dan tiada pistol diletakkan pada dirinya oleh Ho Chung Keat dan Dennis atau 'the Company' jika tertuduh tidak membawa barangan tersebut ke Korea. Walaupun misi penghantaran barangan ini ke Korea gagal dan setelah tertuduh keenam berada di dalam penjara selama enam tahun, dia mengakui masih tiada apa-apa ancaman terhadap dirinya.

[61] Berasaskan alasan-alasan di atas, kami mendapati hujahan peguam-peguam yang bijaksana bahawa pembelaan di bawah s 94 Kanun Keseksaan telah dipenuhi di mana ugutan tersebut akan memberi kesan kepada tertuduh-tertuduh dan ahli keluarga mereka adalah suatu rekaan dan pemikiran terkemudian sahaja yang sewajarnya ditolak oleh mahkamah ini.

Ketiadaan pengetahuan terhadap dadah yang dijumpai

[62] Peguam tertuduh-tertuduh yang bijaksana menghujahkan bahawa keenam-enam tertuduh tidak mempunyai pengetahuan terhadap dadah tersebut. Kesemua mereka telah diberitahu atau telah diperdayakan bahawa paket-paket lutsinar tersebut adalah ubat *gym* atau clebuterol (ubat yang digunakan untuk meningkatkan seseorang dalam prestasi sukan) yang dilarang di Korea Selatan dan bukannya dadah dan jika ditangkap mereka akan hanya dikenakan denda sahaja oleh pihak berkuasa di sana.

[63] Pada hemat kami adalah sesuatu yang tidak munasabah sama sekali bila kesemua tertuduh menafikan mempunyai pengetahuan langsung mengenai dadah yang dibawa berpandukan kepada cara dadah tersebut dibalut dan disorokkan di paha kiri dan kanan serta di bawah pelapik kasut mereka masing-masing. Cara penyembunyian dadah yang dilakukan dengan kemas dan teliti ini dibuat semata-mata untuk mengelakkan paket-paket dadah daripada dikesan oleh pihak berkuasa di Malaysia dan juga di Korea Selatan.

[64] Seperkara lagi dadah-dadah yang terikat pada tubuh badan mereka masing-masingnya di dalam paket plastik lutsinar yang boleh dilihat secara langsung dengan mata kasar di mana ianya membawa kepada inferens yang

munasabah bahawa keenam-enam tertuduh ada mempunyai pengetahuan tentang kandungan barang-barang kes yang disembunyikan.

[65] Di dalam kes *Teh Hock Leong v Public Prosecutor* [2008] MLJU 284; [2008] 4 CLJ 764, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Gopal Sri Ram (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti yang berikut:

> [8] Turning to the facts of the present instance, we agree with the learned trial judge that the method employed to bring the drugs in question from Thailand into Malaysia was done in a most cunning fashion to escape detection by the authorities. The method employed to convey or transport a drug may sometimes furnish evidence of knowledge. For example, an attempt to carefully conceal a drug may indicate an intention to avoid detection and thereby point to knowledge. Of course. it all depends on the facts of each individual case.

[66] Di dalam kes *Wjchai Onprom v Public Prosecutor* [2006] 5 MLJ 415; [2006] 3 CLJ 724, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Gopal Sri Ram (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti yang berikut:

> (2) In his judgment the learned judge, after a careful summary of the evidence, correctly took the view that on the facts established it was not necessary for the prosecution to rely on the presumption under s 37(da)(iv) of the Act since this was a case of actual trafficking. The appellant was caught conveying a very large quantity of cannabis from Thailand to Malaysia. In view of the amount involved, it was safe to infer that the drug was intended for a third person or persons, known or unknown. So, this was not a case of mere passive possession. There were overt acts done by the appellant, namely the active concealment of the drug on his person followed by its conveyance from Thailand into Malaysia which reasonably supported the existence of criminal purpose proscribed by the Act. The very same facts also gave rise to a strong inference that the appellant was aware of his possession, knew the nature of the drug possessed and had the power of disposal over it. So much for the prima facie proof of actual trafficking (paras 4 & 11).

[67] Di dalam kes *Koh Tiong Hock v Public Prosecutor* [2011] 4 MLJ 40, Mahkamah Rayuan memutuskan seperti yang berikut:

> [12] With respect, the law is clear and well settled in that knowledge or intention as the mental element of an offence can only be proved by inference from the surrounding circumstances. See *Public Prosecutor v Chan Pan Leon* [1956] 1 MLJ 237, *Warner v Metropolitan Police Commissioner* [1968] 2 All ER 356 (HL); *Ong Ah Chuan v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 64 (PC); *Wong Nam Loi v Public Prosecutor* [1997] 3 MLJ 795 (CA) and *Public Prosecutor v Abdul Rahman bin Akif* [2007] 5 MLJ 1; [2007] 4 CLJ 337 (FC) and *Emmanuel Yaw Teiku v Public Prosecutor* [2006] 5 MLJ 509 (FC). The effect of the decision *Toh Su Kuan* is clearly to the contrary in holding that knowledge can be proved only by direct evidence and not by way of drawing an inference from proved facts. We note that *Toh Su Kuan* has

A been disregarded, not followed or practically ignored by subsequent decisions of this court. See *Gunalan a/l Ramachandran & Ors v Public Prosecutor* [2004] 4 MLJ 489; [2004] 4 CLJ 551, *Mimanga Lesaly v Public Prosecutor* [2005] 4 MLJ 314 and *Wjchai Ompron v Public Prosecutor* [2006] 5 MLJ 415. It may not have been specifically overuled but the Federal Court had struck its death knell when it was
B rejected for being erroneous and inconsistent with settled legal principles. See *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 19 which held that *Toh Su Kuan* should be overuled and not followed for being erroneous and per incuriam.

[13] In *Tunde Apatira & Ors v Public Prosecutor* [2001] 1 MLJ 259 where packets of drug were swallowed by the appellants and found in their stomachs when
C arrested, the Federal Court affirmed their convictions for trafficking holding that the totality of the evidence reasonably supports that the appellants were in actual possession of the proscribed drug at the time of their initial detention. In *Teh Hock Leong v Public Prosecutor* (Criminal Appeal No 05–84 of 2003 since reported in [2010] 1 MLJ 741) the proscribed drug in the form of solution was soaked in towel and under clothes and transported in a back pack with clear object to avoid
